2012

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

99 Perkembangan Pengawalan dan Penilaian Penyeliaan

100 *Rencana: Rangka Kerja Undang-Undang untuk Kestabilan Kewangan*

111 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

114 Keupayaan dan Kerjasama Penyeliaan

117 *Rencana: Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Basel untuk Penyeliaan Perbankan Berkesan*

122 *Rencana: Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Insurans IAIS*

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan di Malaysia kini berada pada kedudukan yang nyata lebih kukuh dengan penggubalan undang-undang perkhidmatan kewangan yang penting pada tahun 2012. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA), bersama-sama dengan pindaan yang berkaitan dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009, menyediakan asas baharu dan yang nyata lebih kukuh untuk membangunkan dan mengekalkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang berkesan, telus dan menyumbang kepada sistem kewangan yang cekap serta berdaya tahan untuk menghadapi tekanan pada masa hadapan. Maklumat lanjut mengenai rangka kerja undang-undang tersebut boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Rangka Kerja Undang-undang untuk Kestabilan Kewangan'.

Sistem pengawalan dan penyeliaan Malaysia menerima ulasan yang positif daripada Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan

Bidang keutamaan pengawalseliaan Bank terus berpandukan fokus domestik dengan usaha berterusan untuk meningkatkan tahap dalam amalan tadbir urus dan pengurusan risiko agar sejajar dengan saiz dan kecanggihan aktiviti institusi kewangan yang semakin meningkat di dalam dan di luar Malaysia. Sebahagian besar usaha ini termasuklah pengukuhan dan pengemaskinian peraturan kehematan sejajar dengan reformasi pengawalseliaan antarabangsa, dan mengambil kira perkembangan sistem kewangan yang lebih maju di Malaysia dan peningkatan penyertaannya di rantau ini. Pada masa yang sama, dimensi pengawalan dan penyeliaan serantau dan antarabangsa kekal penting dalam usaha yang dilaksanakan Bank. Bank juga memainkan peranan yang aktif dalam inisiatif untuk membentuk piawaian pengawalseliaan antarabangsa, terutamanya dengan mengambil kira perspektif pasaran sedang pesat membangun dan dalam memperkukuh hubungan dengan penyelia negara asal institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia dan penyelia tuan rumah di mana institusi kewangan Malaysia beroperasi.

Sistem pengawalan dan penyeliaan Malaysia menerima ulasan yang positif daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia (World Bank) di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program, FSAP). Program ini melibatkan penilaian penuh terhadap rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Bank bagi sektor perbankan dan insurans berdasarkan prinsip teras antarabangsa untuk sistem penyeliaan yang berkesan. Penilaian yang dibuat mengesahkan kekukuhan dan kualiti rangka kerja pengawalan dan penyeliaan di Malaysia, selain berperanan untuk mengesahkan hala tuju bidang keutamaan dan inisiatif semasa Bank untuk terus mengukuhkan sistem pengawalan dan penyeliaan. Ringkasan penilaian dan saranan yang dibuat oleh penilai FSAP bagi penyeliaan perbankan dan insurans masing-masing terkandung dalam rencana bertajuk 'Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Basel untuk Penyeliaan Perbankan Berkesan' dan 'Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Insurans IAIS'.

PERKEMBANGAN PENGAWALAN DAN PENILAIAN PENYELIAAN

Piawaian modal kawal selia dan mudah tunai
Satu langkah utama dalam pelaksanaan pakej reformasi pengawalseliaan global yang berkaitan dengan piawaian modal dan mudah tunai baharu di bawah Basel III di peringkat domestik telah dilaksanakan pada tahun 2012 dengan penerbitan peraturan oleh Bank pada bulan November 2012, yang akan meningkatkan **tahap dan kualiti modal kawal selia** yang perlu ada pada bank. Di bawah peraturan baharu ini, institusi perbankan dikehendaki mengekalkan modal berkualiti tinggi

Rangka Kerja Undang-Undang untuk Kestabilan Kewangan

Penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang diluluskan di Parlimen pada bulan Disember 2012, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam pemodenan undang-undang sektor kewangan Malaysia. Undang-undang baharu ini merupakan kemuncak bagi usaha selama lebih enam tahun yang bermula serentak dengan kajian semula Akta Bank Negara Malaysia 1958, dan melibatkan kajian semula yang meluas terhadap undang-undang pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan, dengan mengambil kira perubahan penting yang sedang berlaku dalam landskap kewangan domestik dan global. Semakan semula dan pemodenan undang-undang sektor kewangan di Malaysia ini memastikan undang-undang tersebut terus relevan dan berkesan dalam memelihara kestabilan kewangan dan menyokong pertumbuhan sistem kewangan Malaysia dan ekonomi benar.

Sepanjang dekad yang lalu, tumpuan dan pendekatan terhadap pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan telah berkembang pesat, bukan sahaja di Malaysia malah pada peringkat antarabangsa. Memandangkan sistem kewangan kini menjadi lebih pelbagai, lebih canggih dan lebih berhubung kait, pengawalan kewangan juga telah berkembang seiringan, daripada yang bersifat peraturan terperinci dan berbentuk preskriptif kepada pendekatan berasaskan prinsip yang menggabungkan pertimbangan penyeliaan yang lebih rapi berserta prinsip amalan mantap tahap tinggi yang boleh digunakan pada institusi berdasarkan sifat, skala dan kompleksiti aktiviti mereka. Orientasi semula yang penting terhadap tumpuan penyeliaan kewangan juga telah dibuat untuk mengambil kira perkembangan dan risiko seluruh sistem, di samping tumpuan lazim terhadap setiap institusi kewangan. Ini telah melibatkan peluasan skop pengawasan untuk merangkumi penyeliaan kumpulan kewangan dan institusi kewangan bukan bank yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan. Melangkaui pengawalan kehematan, aspek lain dalam pengawalan sektor kewangan seperti pengawalan amalan perniagaan yang menjurus kepada perlindungan pengguna dan rangkuman kewangan, juga semakin penting, didorong oleh perubahan demografi, kompleksiti produk kewangan yang semakin meningkat dan matlamat dasar awam untuk membasmi kemiskinan, memperbaiki kesamarataan dan meningkatkan pertumbuhan. Satu lagi ciri penting dalam pembangunan sistem kewangan Malaysia ialah kepentingan dan peranan kewangan Islam yang semakin meningkat. Perkembangan perundangan yang menyeluruh bagi kewangan Islam telah terus memperluas persempadanan pengawalan kewangan di Malaysia. Perkembangan ini telah memainkan peranan penting dalam membentuk statut-statut utama yang telah diperkenalkan sepanjang dekad yang lalu dan merupakan sebahagian daripada rangka kerja undang-undang untuk sektor kewangan, termasuk Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Development Financial Institutions Act 2002, DFIA), Akta Sistem Pembayaran 2003 (Payment Systems Act 2003, PSA) dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011, MDICA). Penggubalan undang-undang perbankan pusat yang baharu pada 2009, Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA) serta FSA dan IFSA pada tahun 2013 memperlengkap siri pembaharuan perundangan yang menyeluruh.


Pada era pasca 9/11, usaha peringkat global untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan menjadi lebih giat sebagai tindak balas kepada realiti politik baharu serta ekoran teknik dan kaedah pengubahan wang haram yang semakin canggih. Usaha memelihara integriti sistem kewangan dan mencegah penyalahgunaannya untuk tujuan jenayah dan keganasan menjadi agenda penting Kerajaan. Walaupun Malaysia telah pun mempunyai perundangan yang ketat untuk tujuan ini pada tahun 2001, skop institusi pelapor di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA) kini diperluas untuk meliputi institusi bukan kewangan bagi menangani risiko pengubahan wang haram dalam aktiviti di luar sektor kewangan dengan lebih berkesan. AMLATFA juga menyokong kerjasama yang lebih berkesan di antara Bank, institusi kewangan dan agensi penguatkuasa undang-undang dalam bidang pencegahan jenayah

dan keselamatan negara. Memandangkan sektor tertentu seperti sektor perkhidmatan pertukaran wang dan kiriman wang begitu mudah terdedah kepada aliran dana haram, Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA) dan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sokongan telah disediakan untuk memperkukuh pengawasan Bank ke atas sektor-sektor ini.

Secara bersama, pemodenan undang-undang sektor kewangan Malaysia bertujuan untuk terus menggalakkan daya tahan dan kecekapan sektor kewangan serta pertumbuhannya yang berterusan, mengukuhkan persekitaran pengawalan dan penyeliaan, menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada pengguna dan memelihara tahap keyakinan yang tinggi terhadap sistem kewangan. Ini disokong oleh penambahbaikan pengaturan kerjasama dan penyelarasan antara agensi agar dapat menguruskan dengan lebih baik kesalinghubungan merentas industri dan sempadan negara yang semakin meningkat. Undang-undang sektor kewangan ini juga bertujuan untuk bergerak serentak dengan perubahan dalam landskap kewangan dengan cara yang akan membolehkan institusi kewangan memanfaatkan peluang baharu dan menangani cabaran masa hadapan dengan lebih baik, sambil memelihara keadaan kestabilan kewangan yang kukuh. Gambar Rajah 1 menunjukkan aspek-aspek utama sistem pengawalan dan penyeliaan yang kukuh di Malaysia yang disasarkan oleh statut-statut ini.

Gambar Rajah 1

Undang-undang Menyeluruh untuk Kestabilan Kewangan



CBA Akta Bank Negara Malaysia 2009
IFSA Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
FSA Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
DFIA Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
AMLATFA Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001
MSBA Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
MDICA Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

Rencana ini seterusnya menerangkan mengenai perundangan utama yang menjadi sebahagian daripada rangka kerja undang-undang sektor kewangan di Malaysia, termasuk paparan perubahan perundangan utama yang diperkenalkan.

Akta Bank Negara Malaysia 2009

Kemuncak kepada perubahan-perubahan perundangan ini adalah penggubalan CBA yang berbetulan dengan ulang tahun Bank yang ke-50. CBA menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958 susulan kajian semula yang menyeluruh selama dua tahun terhadap peranan, kuasa dan tanggungjawab bank pusat yang moden lantas memberi kejelasan berhubung dengan mandat Bank dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan. Sehubungan dengan mandat kestabilan kewangannya, tanggungjawab statutori Bank dinyatakan dengan jelas dalam CBA, iaitu untuk mengawal dan menyelia institusi kewangan, menyediakan pengawasan terhadap pasaran wang dan pasaran pertukaran asing, menjalankan pengawasan ke atas sistem pembayaran dan membangunkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua. Kesemua tanggungjawab tersebut merupakan asas kepada undang-undang pengawalseliaan yang ditadbir oleh Bank.

Dengan mengambil kira sektor kewangan domestik yang lebih maju dan matang serta cabaran yang timbul daripada persekitaran ekonomi dan kewangan yang lebih bersepadu dan bersifat global, CBA memperuntukkan Bank dengan kuasa dan instrumen kehematan makro yang lebih meluas untuk memelihara kestabilan kewangan. Ini termasuk kuasa yang lebih luas diberikan kepada Bank untuk mendapatkan maklumat bagi memantau risiko kepada kestabilan kewangan selain syarat dan kuasa yang diperkukuhkan untuk mengambil tindakan awal bagi mengelak dan mengurus krisis. Ia juga termasuk kuasa-kuasa khusus untuk mengambil langkah-langkah resolusi terhadap institusi kewangan yang penting dari segi sistemik yang tidak dikawal selia oleh Bank, apabila perlu, demi memelihara kestabilan kewangan negara. Selain itu, undang-undang ini membolehkan Bank membuat penyelarasan yang berkesan bersama-sama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan lain merentas sektor dan sempadan, mencerminkan pertindanan yang lebih besar dalam produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang berlainan serta penyertaan institusi kewangan yang lebih meluas di seluruh dunia. Kuasa-kuasa yang diperkukuhkan ini dilengkapkan dengan rangka kerja yang lebih kukuh untuk tadbir urus, ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap mandat kestabilan kewangan. Ia juga termasuk penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan untuk memperuntukkan pengawasan tambahan terhadap keputusan penting berhubung dengan kestabilan kewangan seperti penyediaan sokongan modal kepada institusi kewangan dan arahan untuk menghindarkan atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan terhadap entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank.

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

FSA dan IFSA meneruskan asas-asas mandat kestabilan kewangan Bank dalam CBA dan memperuntukkan Bank dengan kuasa yang diperlukan untuk menjalankan peranan pengawalan dan penyeliaannya dengan berkesan. Akta-akta ini mencerminkan tumpuan lebih besar oleh Bank terhadap campur tangan awal untuk menangani masalah yang berbangkit dalam institusi kewangan, serta pendekatan yang lebih tertumpu pada risiko dan bersepadu dalam pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan di bawah kawal selia Bank sebagai tindak balas kepada perubahan pantas yang sedang berlaku dalam sektor kewangan, termasuk kemunculan kumpulan kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih pelbagai. FSA dan IFSA masing-masing telah menggabungkan enam statut yang sedia ada, iaitu Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, PSA dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (Exchange Control Act 1953, ECA), serta Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Undang-undang baharu ini menyediakan rangka kerja undang-undang yang lebih utuh dan bersepadu yang menyediakan cara

olahan yang tekal dan menyeluruh terhadap risiko yang sama lantas mengurangkan kemungkinan berlakunya arbitraj dan jurang pengawalseliaan, dan dengan nyata memudahkan proses kajian semula dan pengemaskinian pada masa hadapan. Ciri-ciri utama undang-undang baharu ini termasuk:

- Ketelusan dan kebertanggungjawaban Bank yang lebih tinggi dalam melaksanakan matlamat utamanya untuk memelihara kestabilan kewangan;

- Tahap pengawalan dan penyeliaan yang dibezakan (differentiated) terhadap institusi dan pasaran di bawah kawal selia Bank, setara dengan jenis aktiviti dan tahap risiko institusi dan pasaran tersebut kepada sistem kewangan keseluruhannya;

- Kriteria penilaian yang telus untuk memberi kebenaran kepada institusi untuk menjalankan perniagaan kewangan yang dikawal selia, dan untuk kesesuaian pemegang syer;

- Peruntukan baharu bagi pengawasan terhadap syarikat pemegangan kewangan dan entiti yang tidak dikawal selia bagi mengambil kira risiko sistemik yang mungkin timbul daripada interaksi antara institusi, aktiviti dan pasaran yang dikawal selia dengan yang tidak dikawal selia;

- Kehendak amalan perniagaan dan perlindungan pengguna yang lebih tinggi untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan dan produk kewangan;

- Peruntukan khusus untuk menyokong peranan Bank dalam pengawasan pasaran wang dan pasaran pertukaran asing melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang mana relevan;

- Peruntukan yang lebih kukuh bagi penguatkuasaan dan campur tangan penyeliaan yang berkesan, termasuk membolehkan Bank untuk mengeluarkan arahan pematuhan atau menerima aku janji yang boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang yang menghendaki institusi kewangan untuk mengambil langkah tertentu bagi menangani risiko yang telah dikenal pasti, dan penalti yang lebih tinggi untuk menjadi instrumen pencegah yang berwibawa. Undang-undang ini juga memperuntukkan kepada Bank *locus standi* untuk memulakan tindakan sivil di mahkamah terhadap institusi kewangan; serta

- Fokus yang jelas mengenai pematuhan dan tadbir urus Syariah dalam sektor kewangan Islam. Secara khususnya, IFSA menyediakan rangka kerja undang-undang yang menyeluruh yang patuh Syariah dalam semua aspek pengawalan dan penyeliaan, daripada pelesenan hinggalah pembubaran sesebuah institusi.

Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Enam institusi kewangan pembangunan (IKP) adalah dikawal dan diselia oleh Bank menurut DFIA bagi memastikan mandat pembangunan IKP boleh dilaksanakan secara mampan dari segi kewangan, sambil menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan. DFIA menyokong pengawalan dan penyeliaan IKP yang berkesan untuk memastikan pengurusan kewangan IKP yang mantap selain mengukuhkan kebertanggungjawaban mereka dalam melaksanakan peranan-peranan yang dimandatkan. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pembangunan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada program yang sedang dilaksanakan Bank untuk mengkaji semula dan mengemaskinikan rangka kerja undang-undang sektor kewangan secara kerap, cadangan pindaan terhadap DFIA sedang dibuat untuk terus meningkatkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan bagi IKP. Cadangan akan tertumpu pada pembaharuan untuk terus meningkatkan amalan tadbir urus IKP, mengukuhkan mandat mereka untuk mengisi ruang kekurangan dalam sistem kewangan, dan menggalakkan peningkatan kecekapan dalam pengendalian operasi.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001

AMLATFA, yang sebelum ini dikenali sebagai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (Anti-Money Laundering Act 2001, AMLA), menyediakan rangka kerja undang-undang untuk mencegah pengubahan wang daripada hasil jenayah lantas memelihara integriti dan keyakinan terhadap sistem kewangan. Di bawah AMLA, Bank dilantik untuk menjalankan fungsi pihak berkuasa berwibawa, termasuk tanggungjawab memastikan pelaksanaan kewajipan melapor oleh institusi pelapor, dan pengumpulan serta perkongsian maklumat risikan kewangan. Pada tahun 2003, Kerajaan Malaysia membuat pindaan kepada lima undang-undang yang berbeza, termasuk AMLA, untuk membolehkan penyertaan dalam Konvensyen Antarabangsa bagi Penumpasan Pembiayaan Keganasan (International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism). Dengan berkuatkuasanya Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 pada 6 Mac 2007, AMLA telah diubah namanya dan diperluaskan untuk memperuntukkan rangka kerja yang menyeluruh bagi langkah pencegahan kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, serta rampasan harta pengganas dan harta yang terlibat dalam pengubahan wang haram.

Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

AMLATFA juga dilengkapkan oleh MSBA yang bertujuan untuk memodenkan dan meningkatkan status perniagaan pengurupan dan kiriman wang supaya menjadi industri yang lebih dinamik, berdaya saing dan profesional, sambil mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram yang lain. MSBA mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011 berikutan penggabungan Akta Pengurupan Wang 1998 dan beberapa bahagian daripada PSA dan ECA. Pengurup wang berlesen, penyedia perkhidmatan kiriman wang serta penyedia mata wang borong yang diluluskan kini dikawal selia di bawah satu undang-undang. Di bawah MSBA, keupayaan pengawasan Bank serta kuasa pemeriksaan dan penyiasatan terus ditingkatkan. Pada masa yang sama, kuasa penguatkuasaan yang lebih besar, meliputi penalti pentadbiran dan tindakan sivil, telah meningkatkan lagi keupayaan Bank untuk menangani dengan lebih berkesan kelemahan dalam industri yang boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan untuk tujuan pengubahan wang haram dan jenayah kewangan.

Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 mewujudkan sistem insurans deposit di Malaysia untuk melindungi deposit yang disimpan di institusi perbankan perdagangan dan perbankan Islam berlesen. Undang-undang ini juga memperuntukkan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insentif yang kukuh untuk pengurusan risiko yang mantap menerusi premium insurans deposit yang dibezakan, dan bertindak sebagai agensi penyelesaian. Pada tahun 2011, undang-undang ini digantikan dengan MDICA. Perubahan utama yang dibuat untuk menyediakan jaring keselamatan kewangan yang lebih luas juga meliputi sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans serta kuasa kepada Menteri untuk memperluas liputan insurans atau perlindungan melangkaui skop perlindungan biasa bagi deposit dan manfaat insurans dan takaful untuk memelihara kestabilan sistem kewangan. Perundangan ini melengkapkan undang-undang pengawalseliaan Bank dalam menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dalam institusi kewangan dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan, khususnya semasa berlakunya tekanan kewangan.

yang berupaya menyerap kerugian, terutamanya Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1), yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan terkumpul dan rizab terzahir pada paras 7% daripada aset wajaran risiko institusi perbankan berbanding dengan paras 2% sebelum ini. Keperluan baharu ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Januari 2013 sehingga Disember 2018, sejajar dengan garis masa pelaksanaan yang ditetapkan pada peringkat global.

Meskipun peraturan-peraturan tersebut pada umumnya adalah sejajar dengan parameter Basel III, Bank telah mengambil pendekatan yang lebih berhemat dalam beberapa bidang. Bank berpendapat bahawa pendekatan ini wajar setelah mengambil kira keadaan pasaran domestik dan hasrat untuk memelihara keutuhan dan kualiti penampan modal, terutamanya ketika berlakunya tekanan. Bidang utama tersebut ialah: (i) memerlukan pelaburan yang besar dalam instrumen modal syarikat insurans, pengendali takaful dan entiti kewangan lain ditolak sepenuhnya daripada CET1 untuk menangani isu leveraj (hutang) berganda secara lebih berkesan dan menyediakan daya tahan lebih kukuh terhadap risiko penularan dalam kumpulan kewangan; (ii) mengehadkan perakuan perolehan nilai saksama instrumen kewangan yang belum direalisasi memandangkan terdapat ketidakpastian dalam penilaian sesetengah instrumen, khususnya instrumen yang tidak didagangkan secara aktif ataupun semasa pasaran bagi instrumen sedemikian tidak begitu cair; (iii) mengukuhkan keperluan menyerap kerugian bagi instrumen modal Kumpulan 1 Tambahan (Additional Tier 1) dan Kumpulan 2 (Tier 2); dan (iv) memerlukan instrumen modal yang diterbitkan oleh bank Islam distrukturkan mengikut cara yang mematuhi prinsip Syariah berdasarkan kontrak yang digunakan.

Satu isu yang dibangkitkan oleh pihak industri ialah kemungkinan terbentuknya herotan kompetitif ekoran daripada pelaksanaan piawaian Basel III yang tidak sekata dalam sistem kewangan antarabangsa, sama ada dari segi masa pelaksanaannya mahu pun perinciannya. Berhubung dengan isu ini, Bank telah membuat pertimbangan teliti terhadap kedudukan permulaan yang kukuh bagi institusi perbankan Malaysia untuk memenuhi piawaian yang lebih tinggi dan tempoh peralihan yang panjang (Bank telah memutuskan untuk tidak mempercepat tempoh pelaksanaan dalam kebanyakan bidang), yang membolehkan pembinaan penampan yang diperlukan secara beransur-ansur. Bank juga berpendapat bahawa perbandingan setara merentas negara mungkin sukar kerana pendekatan berbeza-beza yang digunakan oleh pihak-pihak berkuasa negara lain, iaitu sama ada pendekatan lebih konservatif atau pendekatan konsesi yang telah dicerminkan oleh cara yang berbeza-beza dalam peraturan domestik. Sebagai contoh, beberapa pihak berkuasa telah memilih, atas sebab-sebab tertentu, untuk menetapkan paras minimum modal kawal selia yang lebih tinggi, sementara pihak berkuasa yang lain pula menggunakan kaedah lebih konservatif dalam bidang tertentu. Pihak berkuasa juga boleh menggunakan budi bicara seperti yang diperuntukkan di bawah Basel III untuk menentukan cara pengiraan modal kawal selia yang berlainan bagi dedahan tertentu. Perbezaan ini menyukarkan kebolehbandingan di peringkat antarabangsa nisbah modal kawal selia yang dilaporkan.

Sektor perbankan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan modal yang lebih kukuh, dengan kesan ke atas kos dan fungsi pengantaraan kewangan domestik dijangka kecil

Pertimbangan yang lebih penting di Malaysia ialah implikasi yang mungkin timbul daripada pembaharuan, terutamanya akibat tidak dijangka, terhadap aktiviti pengantaraan domestik. Penilaian Bank yang didasarkan kepada pengiraan modal terperinci dan unjuran pertumbuhan oleh institusi perbankan di bawah peraturan baharu ialah sektor perbankan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan modal yang lebih kukuh seperti yang ditakrifkan oleh Bank, dengan kesan ke atas kos dan fungsi pengantaraan kewangan domestik dijangka kecil (nisbah modal CET1 industri perbankan Malaysia yang dikira berdasarkan piawaian Basel III berada pada paras melebihi 12% pada akhir tahun 2012, jauh mengatasi paras minimum 3.5% yang berkuat kuasa pada tahun 2013). Sebaliknya, manfaat daripada penampan modal yang lebih kukuh, seperti yang terkandung dalam hasil ujian tekanan di bawah senario buruk yang ekstrem

tetapi munasabah (extreme but plausible adverse scenarios), adalah besar dari segi mengurangkan kebarangkalian dan kos kegagalan bank kepada ekonomi serta gangguan dalam pengantaraan kewangan. Manfaatnya adalah lebih besar dalam persekitaran ketidakpastian dan ketidaktentuan yang lebih ketara, dan sejajar dengan meningkatnya ciri-ciri saling bergantung dan saling berhubung sistem kewangan.

Pada bulan Jun 2012, Bank juga memulakan tempoh pemerhatian yang menghendaki kedudukan leveraj dan mudah tunai dilaporkan oleh institusi perbankan menggunakan parameter Basel III. Ini bertujuan membolehkan Bank memantau implikasi Nisbah Leveraj dan piawaian mudah tunai yang merupakan komponen penting lain dalam pakej pembaharuan Basel III, dan untuk menetapkan langkah-langkah dasar yang sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan piawaian tersebut berjalan lancar. Hasil daripada keperluan pelaporan ini, institusi perbankan mula mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti maklumat yang dikumpul berhubung dengan tingkah laku pendeposit mereka, khususnya pendeposit borong yang mempunyai hubungan operasi (operational relationships) dengan institusi perbankan, bagi menentukan jenis olahan kawal selia dengan tujuan untuk memenuhi piawaian mudah tunai.

Berdasarkan keputusan awal yang diperoleh daripada tempoh pemerhatian tersebut, kedudukan modal sistem perbankan yang kukuh dijangka memudahkan pelaksanaan **Nisbah Leveraj** pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, masih terlalu awal untuk mendapatkan penilaian yang jelas mengenai potensi bagi piawaian leveraj yang perlu diguna pakai untuk merangsang institusi perbankan beralih kepada aktiviti berisiko lebih tinggi daripada aktiviti berisiko lebih rendah namun lebih produktif seperti pembiayaan perdagangan. Satu sebab hal ini berlaku ialah paras leveraj dalam sistem perbankan yang berada pada tahap yang lebih berhemat berbanding paras minimum yang ditetapkan di bawah Basel III sekali gus memberikan ruang kepada pelarasan pengiraan sejajar dengan peraturan Basel III yang akan berkuat kuasa tanpa terlalu menjejaskan hala tuju perniagaan semasa. Berdasarkan peraturan Basel III, kedudukan leveraj sistem perbankan kini melebihi 6%, jauh melebihi paras minimum 3%. Perlu juga diambil perhatian bahawa sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaan dan pengawasan makro Bank, leveraj telah pun, dan akan terus, menjadi pengukur utama yang dipantau oleh Bank untuk mengenal pasti kemungkinan meningkatnya risiko berlebihan dalam sistem kewangan. Hal ini telah membawa kepada usaha mengawal paras leveraj daripada meningkat melepasi paras yang dianggap berhemat. Walau bagaimanapun, potensi impak daripada piawaian leveraj yang mengikat terhadap keupayaan bank untuk terus menyokong aktiviti ekonomi yang produktif masih menimbulkan kebimbangan yang akan dipantau dengan rapi oleh Bank dalam pelaksanaan Nisbah Leveraj di Malaysia.

Laporan awal daripada tempoh pemerhatian menunjukkan cabaran yang dijangka dihadapi oleh institusi perbankan dalam mematuhi **Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)** (berdasarkan parameter asal yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel, Basel Committee on Banking Supervision, pada bulan Disember 2010). LCR menggalakkan daya tahan jangka pendek bank terhadap kejutan mudah tunai melalui keperluan untuk bank mempunyai penampan mudah tunai yang mencukupi untuk bertahan selama tempoh 30 hari dalam senario tekanan mudah tunai. Cabaran yang dihadapi oleh institusi perbankan dalam mematuhi LCR ini disebabkan terutamanya oleh kepentingan deposit borong sebagai sumber pendanaan bagi sektor perbankan Malaysia. Deposit tersebut mencakupi lebih 60% daripada jumlah deposit sistem perbankan.

Tahap pematuhan dijangka meningkat seiring dengan perubahan yang dibuat baru-baru ini terhadap piawaian LCR oleh Jawatankuasa Basel pada bulan Januari 2013. Perubahan ini mengambil kira beberapa kebimbangan Malaysia berhubung pelaksanaan piawaian mudah tunai dalam tiga aspek penting. Pertama ialah berkaitan dengan andaian pengeluaran (atau kadar ketirisan) asal yang terlalu tinggi yang pada mulanya terpakai pada deposit korporat. Kadar ini telah diselaraskan untuk menghasilkan kadar ketirisan deposit korporat yang lebih rendah. Meskipun tidak ditangani secara langsung dalam peraturan yang telah disemak, Bank akan terus mempertimbangkan pilihan yang sesuai bagi olahan deposit oleh skim simpanan institusi di Malaysia, khususnya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang berperanan penting dalam menyalurkan dana yang stabil daripada isi rumah kepada sektor perbankan.

Kebimbangan kedua ialah kesan yang mungkin berlaku terhadap keadaan mudah tunai pasaran

akibat daripada terhadnya jumlah aset mudah tunai yang diiktiraf di bawah piawaian mudah tunai. Di bawah peraturan yang telah disemak, rangkaian aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) yang boleh diambil kira dalam pematuhan LCR telah diperluas. Ini termasuk sekuriti hutang korporat bertaraf lebih rendah, ekuiti tidak dihalang (unencumbered equities) dan sekuriti bersandarkan gadai janji harta kediaman (residential mortgage-backed securities), tertakluk kepada diskaun penilaian dan had kehematan yang sesuai. Aspek ketiga berkaitan dengan kekangan struktur yang dihadapi oleh bank Islam disebabkan kurangnya instrumen berlandaskan Syariah dalam pasaran untuk memenuhi LCR. Peraturan yang disemak memberi pilihan tambahan kepada pihak berkuasa penyeliaan untuk membangunkan rangka kerja aset mudah tunai alternatif khusus untuk bank Islam. Pilihan tersebut secara eksplisitnya membenarkan pihak berkuasa penyeliaan untuk menggunakan budi bicara bagi mentakrifkan produk kewangan yang mematuhi Syariah sebagai HQLA alternatif bagi bank Islam, tertakluk kepada syarat dan diskaun penilaian yang mungkin dikenakan oleh penyelia.

Bank mengalu-alukan perubahan ini yang mencerminkan dengan lebih baik tingkah laku pasaran dan keadaan pendanaan yang realistik di Malaysia. Selain itu, tempoh pelaksanaan secara berperingkat yang lebih panjang sehingga tahun 2019 (asalnya sehingga tahun 2015) untuk pematuhan sepenuhnya kepada piawaian tersebut juga telah diperuntukkan di bawah jadual pelaksanaan yang disemak yang diumumkan oleh Jawatankuasa Basel. Langkah ini akan terus membantu peralihan yang lancar kepada piawaian LCR baharu di Malaysia. Pemahaman yang lebih mendalam daripada tempoh pemerhatian adalah penting untuk mendapatkan gambaran lebih lengkap tentang implikasi kepada pasaran dan penyesuaian dalam tindakan bank yang mungkin diakibatkan oleh piawaian mudah tunai tersebut. Ini juga akan memaklumkan pendekatan yang diambil Bank berhubung dengan pelaksanaan LCR yang akan dikemukakan untuk perundingan dengan pihak industri pada awal tahun 2014, dan seterusnya pembentukan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio). Sementara itu, Bank akan terus berbincang dan berinteraksi secara kerap dengan komuniti penetapan piawaian antarabangsa bagi memberikan gambaran tentang implikasi piawaian baharu kepada pasaran sedang pesat membangun melalui penyertaannya dalam kumpulan bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan peringkat antarabangsa dan serantau.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan **pengurusan risiko mudah tunai dalam kalangan institusi kewangan pembangunan (IKP)** yang lebih berkesan, Garis Panduan Rangka Kerja Pengurusan Mudah Tunai untuk Institusi Kewangan Pembangunan yang dahulunya hanya terpakai pada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Simpanan Nasional, telah diperluas kepada tiga IKP lain yang mengambil deposit, iaitu Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad pada bulan Mei 2012. Garis Panduan tersebut, yang sebahagian besarnya sama seperti Rangka Kerja Mudah Tunai semasa yang terpakai bagi bank, bertujuan memastikan IKP mempunyai sumber mudah tunai berkualiti tinggi untuk memenuhi pengeluaran deposit tidak dijangka dalam urusan perniagaan biasa dan semasa berlakunya tekanan. Sama seperti Rangka Kerja Mudah Tunai institusi perbankan, rangka kerja untuk IKP ini juga bertujuan mengehadkan tumpuan pendanaan.

Dalam sektor takaful, satu komponen utama reformasi pengawalseliaan untuk terus mengukuhkan rangka kerja kehematan bagi pengendali takaful telah dimuktamadkan dengan pengeluaran **Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT)** pada bulan Oktober 2012 hasil daripada perundingan yang menyeluruh dengan pihak industri dan penilaian impak kuantitatif. RBCT dari segi konsep adalah sama seperti Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans yang menilai kecukupan modal berdasarkan pendekatan yang lebih menyeluruh (total balance sheet approach). Pendekatan ini lebih peka kepada profil risiko pengendali takaful individu berbanding rejim solvensi mudah yang sedia ada. Walau bagaimanapun, RBCT mengandungi beberapa perbezaan penting yang mencerminkan model perniagaan yang khusus buat pengendali takaful dan sifat khusus kontrak Islam yang dimeterai oleh pengendali takaful.

Beberapa penambahbaikan telah dibuat terhadap RBCT susulan maklum balas daripada pihak industri semasa proses perundingan dan

hasil daripada penilaian impak kuantitatif yang dibuat oleh Bank. Ini termasuk pindaan untuk membolehkan penerimaan sumber modal yang lebih meluas dalam nisbah kecukupan modal yang digunakan untuk memenuhi Paras Modal Sasaran Penyeliaan. Caj modal bagi liabiliti caruman dan liabiliti perbelanjaan turut diselaraskan semula setelah mengambil kira penambahbaikan terhadap amalan peruntukan oleh industri baru-baru ini.

Satu komponen utama reformasi pengawalseliaan untuk memperkukuh rangka kerja kehematan bagi pengendali takaful telah dimuktamadkan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2012

RBCT akan berkuat kuasa sepenuhnya sebagai satu keperluan yang perlu diguna pakai bagi pengendali takaful bermula 1 Januari 2014, selepas tempoh pelaksanaan selari yang berlangsung selama setahun supaya pengendali takaful dapat menambah baik operasi dan sistem mereka sebagai persediaan untuk pelaksanaan sepenuhnya.

Preskripsi berasaskan peraturan terhadap modal kawal selia yang terpakai bagi bank dan penanggung insurans/pengendali takaful [di bawah Tunggak 1 (Pillar 1)] dilengkapi oleh proses kajian penyeliaan yang ketat terhadap amalan pengurusan modal sesebuah institusi di bawah Tunggak 2 (Pillar 2) yang memerlukan institusi untuk menilai dan mempunyai modal mencukupi yang setara dengan profil risikonya, termasuk risiko yang tidak diambil kira atau tidak dirangkumi sepenuhnya di bawah Tunggak 1. Dalam hal ini, mulai bulan Januari 2013, institusi perbankan dikehendaki mematuhi Garis Panduan Mengenai **Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP)** yang dikeluarkan oleh Bank. Sejak Garis Panduan tersebut dikeluarkan pada tahun 2010, institusi perbankan telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam mengukuhkan elemen asas ICAAP, terutamanya dalam pembentukan rangka kerja formal mengenai kesanggupan mengambil risiko (risk appetite) dan penambahbaikan kepada sistem teknologi maklumat (IT) dan data untuk menyokong pengenalpastian dan pengukuran risiko yang lebih terperinci. Kajian penyeliaan di premis yang menyeluruh terhadap ICAAP institusi perbankan akan dijalankan oleh Bank pada tahun 2013.

Institusi perbankan juga terus menghalusi kaedah mereka untuk mengukur risiko nyata dan memperuntukkan modal di bawah Tunggak 2. Bidang yang didapati masih banyak perbezaan dari segi amalan ialah pengukuran, dan berikutan itu, modal yang diperuntukkan kepada **risiko kadar faedah dalam buku perbankan/kadar risiko pulangan dalam buku perbankan (interest rate risk in the banking book, IRRBB/ rate of return risk in the banking book, RORBB)**. Ini mencerminkan pendekatan berbeza yang digunakan oleh institusi perbankan dalam mengolah faktor utama yang mempengaruhi IRRBB/RORBB. Memandangkan pentingnya IRRBB/ RORBB terhadap dedahan bank, adalah penting untuk memastikan bahawa amalan pemodelan institusi disokong kuat oleh andaian kehematan dan pengaturan pengawasan yang berkesan. Dengan mengambil kira faktor ini, Bank telah memulakan langkah untuk meningkatkan keperluan pelaporan pengawalseliaan sedia ada bagi IRRBB/RORBB untuk menyokong penilaian penyeliaan yang lebih terperinci. Ini juga akan membolehkan Bank menentukan sama ada panduan industri yang lebih khusus diperlukan bagi memberi kejelasan yang lebih baik mengenai kehendak penyeliaan terhadap cara olahan IRRBB/RORBB.

Dalam industri insurans, **Garis Panduan ICAAP bagi Penanggung Insurans** dimuktamadkan oleh Bank pada bulan Mac 2012 dan berkuat kuasa pada 1 September 2012. Kemajuan dalam pelaksanaan pendekatan yang sistematik bagi ICAAP adalah lebih sekata di seluruh industri dengan adanya panduan rasmi yang dikeluarkan oleh Bank. Sebilangan penanggung insurans telah memperkukuh pengaturan pengawasan dalaman untuk perancangan dan pengurusan modal, dan telah memformalkan proses mengukur impak strategi perniagaan ke atas kedudukan solvensi penanggung insurans bagi menyokong pelaksanaan ICAAP. Bank meneruskan perbincangan dan interaksinya dengan penanggung insurans individu mengenai aspek khusus pelaksanaan Garis Panduan terhadap ICAAP yang masih mempunyai jurang perbezaan. Ini termasuk gambaran sebenar

kesanggupan penanggung insurans mengambil risiko secara keseluruhan dalam lingkungan operasi yang ditetapkan untuk unit perniagaan, membuat penilaian yang lebih teliti dan pelaporan dedahan risiko serta menambah baik pendekatan terhadap ujian tekanan untuk risiko yang besar. Pengendali takaful juga dikehendaki untuk menetapkan sasaran bagi paras modal individu yang sewajarnya, sejajar dengan pelaksanaan RBCT mulai bulan Januari 2014.

Keperluan pengurusan risiko dan kehematan

Pada tahun 2012, Bank menyatakan hasratnya untuk merumus keperluan berhubung dengan **tadbir urus risiko** yang berkesan yang perlu dipatuhi oleh semua institusi kewangan. Usaha ini telah selesai dengan penerbitan Garis Panduan Tadbir Urus Risiko untuk institusi perbankan, syarikat insurans, pengendali takaful dan IKP pada bulan Mac 2013 hasil daripada dua pusingan sesi perundingan dengan pihak industri. Garis Panduan tersebut memperjelas peranan lembaga pengarah untuk menetapkan dan mengawal kesanggupan sesebuah institusi kewangan untuk mengambil risiko dan juga strategi risikonya, serta menghendaki institusi kewangan untuk mewujudkan fungsi pengurusan risiko yang bebas dan cekap sejajar dengan peranan dan mandat yang jelas, iaitu satu kedudukan yang wajar dalam organisasi dengan akses langsung kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Garis Panduan ini juga mengambil kira keperluan ke atas institusi untuk memastikan sistem insentif dan ganjaran adalah sejajar dengan pengambilan risiko yang berhemat. Meskipun banyak institusi telah mengamalkan kebanyakan daripada keperluan yang dikehendaki di bawah Garis Panduan ini, namun beberapa institusi perlu membuat lebih banyak semakan asas terhadap pengaturan dan amalan organisasi yang sedia ada untuk mematuhi Garis Panduan ini. Kebanyakan institusi juga menyatakan keperluan untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal dalam kalangan ahli profesional pengurusan risiko, dan mengatasi kekangan yang ada dalam sistem pengurusan risiko semasa untuk menyokong pengurusan risiko yang berkesan pada peringkat syarikat dan seluruh kumpulan apabila aktiviti mereka meningkat dari segi saiz dan kompleksiti. Secara keseluruhan, banyak pelaburan telah dibuat untuk memperkukuh infrastruktur pengurusan risiko dalam sektor perbankan sejak sedekad yang lalu dan perubahan lebih besar dijangka berlaku dalam kalangan institusi dalam sektor insurans, takaful dan IKP. Hasil utama yang dijangka diperoleh daripada Garis Panduan ini ialah pengukuhan prasyarat bagi pengurusan risiko yang berkesan pada peringkat kumpulan bagi beberapa kumpulan kewangan terbesar di Malaysia yang mempunyai operasi penting dalam lebih daripada satu sektor yang dikawal selia dalam industri kewangan, atau mempunyai operasi di luar negeri yang besar.

Sehubungan dengan usaha Bank untuk mengukuhkan amalan tadbir urus risiko dalam institusi kewangan ialah usaha Bank untuk mengkaji **keperluan kehematan sedia ada yang terpakai pada Aktuari Dilantik (Appointed Actuaries)**. Objektif utama kajian semula ini adalah untuk mengukuhkan keberkesanan fungsi aktuari amnya, dan Aktuari Dilantik khasnya, dalam menyokong pengurusan risiko kewangan sesebuah penanggung insurans atau pengendali takaful. Penambahbaikan yang dicadangkan oleh Bank terhadap Garis Panduan Aktuari Dilantik yang sedia ada dijangka dikeluarkan untuk perundingan pada bulan April 2013. Antara cadangan penambahbaikan itu ialah saranan untuk mengehadkan penglibatan Aktuari Dilantik dalam penentuan harga produk insurans/takaful. Cadangan-cadangan ini juga menggariskan keperluan untuk menyokong komunikasi yang lebih berkesan berhubung isu dan kebimbangan utama oleh Aktuari Dilantik kepada lembaga pengarah dan pihak pengurusan serta kehendak lebih tinggi bagi lembaga pengarah untuk mempunyai pemahaman yang baik tentang isu aktuari yang penting dan bagaimana isu ini mempengaruhi kesanggupan penanggung insurans atau pengendali takaful untuk mengambil risiko dan juga menentukan strategi perniagaan. Cadangan juga dibuat untuk memperluas Garis Panduan ini yang sebelum ini hanya terpakai pada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, untuk turut meliputi penanggung insurans dan pengendali takaful am. Ini memerlukan penanggung insurans am dan pengendali takaful melantik secara rasmi Aktuari Dilantik untuk menjalankan tugas khusus memastikan pengurusan institusi perniagaan insurans/takaful adalah kukuh dan berhemat, termasuk menyediakan laporan kedudukan kewangan untuk lembaga pengarah.

Memandangkan persaingan yang semakin sengit dalam pasaran untuk mendapatkan pinjaman dan pembiayaan runcit, Bank meneruskan pengawasan yang rapi terhadap perkembangan

dalam **amalan pengurusan risiko kredit** dalam industri perbankan. Meskipun pada amnya disiplin kredit kekal utuh, beberapa institusi perbankan didapati telah menetapkan harga pinjaman runcit pada kadar yang lebih agresif daripada kadar berdasarkan andaian realistik unjuran kerugian kredit. Aktiviti penyeliaan Bank terus peka terhadap kelemahan sistematik dalam amalan penentuan harga yang boleh menyebabkan herotan kepada pengagihan modal dan berkemungkinan meningkatkan kerugian yang ditanggung oleh institusi perbankan sekiranya pinjaman gagal dibayar. Pada sebahagian besarnya, amalan penentuan harga yang lebih agresif telah disokong oleh kriteria pemberian pinjaman yang ketat. Walau bagaimanapun, penerapan amalan penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko yang lebih meluas di seluruh industri masih lagi merupakan sesuatu yang mencabar disebabkan kekangan data dan sistem – satu keutamaan yang Bank menghendaki institusi perbankan mengatasinya supaya sejajar dengan pertumbuhan kredit dalam segmen runcit. Sementara isu berhubung pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Penentuan Harga Berpengetahuan Risiko untuk Pinjaman/Pembiayaan Runcit diselesaikan, setiap institusi perbankan digalakkan untuk menerima pakai amalan penentuan harga yang kukuh berdasarkan prinsip yang digariskan di bawah Garis Panduan ini. Perbincangan dan interaksi selanjutnya akan diadakan untuk membantu institusi perbankan menangani cabaran pelaksanaan yang masih ada, khususnya isu berkaitan dengan kekangan data dan sistem yang penting untuk meningkatkan amalan pengurusan kredit dalam segmen ini. Bank menjangkakan Garis Panduan ini akan dimuktamadkan pada separuh kedua tahun 2013.

Peraturan yang diperkukuh untuk mengurus dedahan kepada sesuatu rakan niaga berkuat kuasa pada 1 Mac 2013

Pada bulan Februari 2012, Bank menggariskan cadangan terperincinya untuk mengukuhkan **rangka kerja kehematan bagi mengurus dedahan kepada sesuatu rakan niaga (single counterparties)**. Cadangan ini bertujuan mengawal tumpuan risiko dalam persekitaran yang semakin berhubung kait dengan memperluas skop dedahan yang tertakluk pada had kehematan, dan menjuruskan tumpuan institusi perbankan kepada korelasi risiko yang mungkin timbul daripada kebergantungan ekonomi dalam kalangan rakan niaga yang berhubung kait. Cadangan industri tertumpu terutamanya pada cabaran operasi pemantauan kepatuhan kepada had dan keperluan untuk pengaturan peralihan yang sesuai bagi mengambil kira kesan segera daripada cadangan berkaitan dengan aspek tertentu operasi institusi perbankan. Setelah mengambil kira faktor ini, Bank memperhalus keperluan dalam beberapa bidang utama. Ini merangkumi kriteria berasaskan pertimbangan utama dan kemudahan penggantian yang akan digunakan untuk tujuan menggabungkan dedahan kepada rakan niaga yang berhubung kait. Pengecualian bagi dedahan antara bank dalam pasaran wang antara bank domestik daripada had tersebut telah dikekalkan di bawah peraturan baharu tersebut untuk memudahkan aktiviti pengurusan mudah tunai, walaupun ini akan terus dikaji semula oleh Bank apabila piawaian antarabangsa mengenai dedahan yang besar mula terbentuk. Pengaturan peralihan juga telah diperjelas, bagi dedahan sedia ada dan pelaksanaan secara berperingkat keperluan yang lebih menyeluruh di bawah peraturan baharu ini. Peraturan yang telah dimuktamadkan ini berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

Sebahagian besar daripada usaha untuk membentuk tunggak keenam dalam rangka kerja pengurusan risiko bagi industri kewangan telah disempurnakan pada tahun 2012, dengan pengeluaran Garis Panduan mengenai **Pengurusan Risiko Operasi** yang akan dikeluarkan untuk perbincangan pada separuh pertama tahun 2013. Tunggak lain merangkumi Garis Panduan Mengenai Tadbir Urus Risiko, yang dilengkapi garis panduan lebih khusus mengenai pengurusan risiko kredit, risiko pasaran, risiko mudah tunai dan risiko insurans. Kertas konsep ini menggariskan prinsip utama dalam pengurusan risiko operasi yang utuh berasaskan hasil kajian amalan domestik yang menyeluruh serta berpandukan piawaian antarabangsa dan juga amalan terbaik pengurusan risiko operasi. Ia juga secara khusus bertujuan menangani beberapa punca kegagalan risiko operasi besar yang dialami oleh beberapa institusi kewangan global terkemuka baru-baru ini meskipun terdapat kawalan pengurusan risiko yang seolah-olah

berkesan oleh institusi-institusi tersebut. Teras utama Garis Panduan ini ialah penekanan terhadap pembentukan persekitaran bagi membolehkan institusi kewangan menjadikan pengurusan risiko operasi sebagai tanggungjawab bersama pada semua peringkat institusi serta disokong oleh platform bagi perbincangan mengenai isu risiko operasi; had toleransi risiko operasi yang jelas dan wajar; dan proses memantau risiko operasi dan dedahan kepada kerugian yang berkesan.

Satu aspek risiko operasi yang perlu diuruskan dengan teliti oleh institusi perbankan secara berterusan ialah risiko ancaman kepada saluran perbankan dalam talian yang boleh menjejaskan keyakinan yang lebih meluas terhadap kemudahan perbankan elektronik. Ini bagi mengelak percubaan pihak yang menipu untuk memintas akses individu kepada akaun mereka melalui saluran dalam talian. Meskipun kerugian sebenar kepada institusi perbankan adalah rendah, Bank menghendaki institusi perbankan menyediakan perlindungan yang lebih kukuh, termasuk menambah baik infrastruktur yang sedia ada, serta melaksanakan proses pemantauan dan pengesanan ancaman keselamatan yang diperkukuh agar dapat melindungi sistem perbankan Internet mereka dengan lebih baik. Bank juga memperluas penggunaan Garis Panduan Mengenai Pengurusan Data dan Rangka Kerja Pengurusan Sistem Maklumat (Management Information System, MIS) kepada IKP pada bulan November 2012 untuk mengukuhkan keupayaan pengurusan data dalaman bagi IKP bagi menyokong penilaian perniagaan yang wajar dan pengurusan risiko yang berkesan.

Kompleksiti dan hubung kaitan yang makin meningkat serta operasi merentas sempadan kumpulan kewangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah meningkatkan keperluan bagi **pengawasan yang lebih berkesan terhadap kumpulan kewangan**. Ini bagi memastikan aktiviti kumpulan tidak menimbulkan risiko yang tidak diingini kepada keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan yang dikawal selia dan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan. Pemantauan dan penyeliaan risiko seluruh kumpulan sememangnya merupakan elemen penting dalam aktiviti pengawasan penyeliaan Bank. Isu utama bagi Bank ialah risiko yang mungkin timbul kepada institusi yang dikawal selia kesan daripada interaksi dan hubung kait institusi tersebut dengan entiti lain dalam kumpulan yang merangkumi institusi tersebut.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, elemen penting dalam rangka kerja undang-undang tidak mencukupi untuk membolehkan Bank menggunakan dan menguatkuasakan piawaian kehematan yang wajar atas syarikat pemegangan institusi yang dikawal selia untuk menggalakkan kekukuhan kewangan dan operasi kumpulan secara keseluruhan. Kekurangan ini telah diatasi dengan penggubalan FSA dan IFSA yang memberi Bank kuasa yang jelas untuk menentukan piawaian kehematan bagi syarikat pemegangan kewangan membuat penyeliaan berterusan secara bersepadu serta menghendaki langkah pembetulan diambil oleh syarikat pemegangan kewangan bagi menangani risiko institusi yang dikawal selia yang telah pun dikenal pasti terlebih dahulu.

Dengan penggubalan undang-undang baharu ini, Bank menyasarkan untuk menerbitkan cadangan awal skop penyeliaan secara bersepadu pada separuh kedua tahun 2013 yang akan terpakai pada kumpulan kewangan; penetapan had bagi aktiviti bukan kewangan yang boleh dilaksanakan oleh syarikat pemegangan kewangan yang diluluskan; serta piawaian kehematan utama bagi modal, mudah tunai, tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang perlu dipatuhi oleh syarikat pemegangan kewangan. Hal ini juga memerlukan pengukuhan keperluan kehematan yang berkaitan dengan urus niaga dan dedahan dalam kumpulan, yang akan meliputi satu kajian semula yang dibuat terhadap Garis Panduan Mengenai Urus Niaga Kredit dan Dedahan dengan Rakan Niaga yang Berhubung Kait yang sedia ada yang terpakai pada institusi perbankan. Piawaian kehematan ini dijangka dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014, dengan garis masa pelaksanaan bagi keperluan kewangan akan ditetapkan setelah tamatnya proses perundingan selanjutnya dengan kumpulan kewangan yang terlibat dan penilaian impak terancang dilaksanakan sepenuhnya.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Satu tanggungjawab penting Bank adalah untuk memelihara integriti sistem kewangan dengan menghendaki perniagaan yang dikawal selia menyediakan kawalan yang berkesan untuk membendung risiko daripada dipergunakan untuk tujuan aktiviti haram dan memantau pelaksanaan langkah-langkah kawalan tersebut. Langkah-langkah ini turut dilengkapi dengan

tindakan penguatkuasaan terhadap pengendalian perniagaan yang tidak sah yang dikawal selia di bawah undang-undang perbankan, insurans dan perkhidmatan wang.

Aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan Bank dalam bidang ini telah dipergiatkan pada tahun 2012. Sebahagian besar daripada usaha ini melibatkan penilaian semula lesen yang dikeluarkan kepada entiti dalam **industri perniagaan perkhidmatan wang** yang terdiri daripada perniagaan pengurupan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong, sebagai sebahagian daripada langkah peralihan kepada rejim pengawalseliaan yang lebih kukuh di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. Objektif utama pelesenan semula ini adalah untuk memperkukuh keutuhan industri ini terhadap risiko penyalahgunaan untuk tujuan haram dengan memastikan hanya entiti yang dikawal dan diurus oleh mereka yang berintegriti sahaja, serta yang berupaya dan komited untuk mematuhi keperluan pengawalseliaan, diberikan lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang. Objektif kedua adalah untuk meningkatkan tahap amalan profesionalisme dan imej industri. Dalam memastikan kelancaran peralihan kepada rejim baharu ini, Bank telah mengadakan perbincangan dan interaksi yang berterusan dengan pihak industri dan berusaha untuk memastikan proses pelesenan semula ini dijalankan tanpa menjejaskan akses orang ramai kepada perkhidmatan wang.

Proses pelesenan semula yang telah selesai disempurnakan pada bulan Disember 2012 telah mencapai hasil seperti berikut:

- Lebih daripada 100 entiti yang gagal mengamalkan penyimpanan rekod yang asas dan sistem pematuhan yang perlu untuk mengesan dan mencegah aktiviti haram, atau mereka yang bertanggungjawab gagal memenuhi keperluan layak dan sesuai, telah dikehendaki untuk menghentikan operasi;
- Keupayaan kewangan dan operasi entiti telah diperkukuh dan ini telah membawa kepada peningkatan keupayaan entiti untuk melaksanakan kawalan berkesan terhadap risiko berkaitan dengan jenayah kewangan. Ini telah dicapai melalui beberapa faktor termasuk komitmen modal yang lebih tinggi terhadap entiti, seperti yang diperlukan di bawah perundangan baharu, penggabungan antara entiti-entiti yang lebih kecil dan peluang bagi entiti yang memilih untuk menjadi ejen untuk memanfaatkan sistem dan kawalan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan wang yang lebih besar dan kukuh;
- Lebih daripada 190 akses tambahan disediakan untuk orang ramai menjalankan transaksi kiriman wang hasil kelulusan yang diberikan kepada pengurup wang yang layak untuk menjadi ejen pengiriman wang kepada penyedia perkhidmatan kiriman wang berlesen. Pertambahan akses ini dijangka memudahkan lagi pemindahan kiriman wang, khususnya oleh pekerja asing daripada saluran tidak formal kepada saluran formal;
- Lebih banyak pemegang lesen yang diurus dengan baik telah diberikan kelulusan untuk menjalankan perniagaan mata wang borong (mengimport dan mengeksport mata wang asing untuk dibekalkan kepada pengurup wang tempatan) di kawasan tertentu di Malaysia. Langkah ini dijangka dapat menangani kesukaran yang dihadapi oleh pengurup wang untuk mendapat dan menjelaskan stok mereka, di mana sebelum ini, pengurup wang bergantung pada individu yang membawa mata wang asing merentas sempadan ke Malaysia, yang sumber dananya tidak dapat ditentukan kesahihannya; dan
- Tiga pengendali perniagaan perkhidmatan wang global telah diluluskan untuk menyertai industri ini dengan potensi yang besar untuk meningkatkan tahap kawalan terhadap pencegahan pengubahan wang haram dan aktiviti haram lain dalam industri menerusi pelantikan pengurup wang tempatan yang mempunyai rangkaian meluas sebagai ejen mereka. Syarikat berkenaan akan memainkan peranan penting dalam melaksanakan sistem dan kawalan yang berkesan terhadap ejen mereka. Selain itu, mereka dijangka menyumbang terhadap latihan untuk industri dan inisiatif pembangunan lain untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan imej keseluruhan industri.

Secara keseluruhan, jumlah entiti dalam industri perkhidmatan wang berkurang dengan ketara kepada 515 daripada 839 pada bulan Disember 2011 berikutan inisiatif pelesenan semula. Entiti yang mendapat lesen di bawah Akta baharu ini pada amnya berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menyediakan perkhidmatan profesional dan memenuhi keperluan pengawalseliaan bagi memperkukuh keutuhannya terhadap jenayah kewangan. Walau bagaimanapun, sebilangan

besar daripada entiti ini dikehendaki memperbaiki proses dan kawalan yang sedia ada untuk menangani risiko pengubahan wang haram dalam tempoh enam hingga dua belas bulan akan datang. Kelemahan yang terdapat dalam operasi perniagaan perkhidmatan wang termasuklah toleransi yang tinggi terhadap risiko dalam menjalankan transaksi yang sumber dananya dicurigai atau tidak diketahui, pelaksanaan prosedur usaha wajar pelanggan (customer due diligence) minimum yang tidak konsisten, serta kekurangan program yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan memantau, mengendalikan dan melaporkan transaksi yang mencurigakan. Tindakan penguatkuasaan telah ataupun sedang diambil terhadap lebih 170 entiti kerana gagal mematuhi keperluan pengawalseliaan, termasuk kompaun monetari, penyingkiran orang bertanggungjawab utama atau pembatalan lesen bagi kesalahan yang lebih serius. Langkah pembetulan dan pemulihan oleh perniagaan perkhidmatan wang akan dipantau dengan rapi oleh Bank. Dari aspek positif, Bank juga melihat penambahbaikan yang ketara dalam penyimpanan rekod dalam industri dan pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan pengawalseliaan hasil daripada pemeriksaan di premis oleh Bank dan sesi perbincangan dan interaksi serta taklimat yang berterusan antara pihak industri dengan Bank sepanjang tahun 2012.

Pada tahun 2012, Bank juga menyediakan panduan terperinci untuk memudahkan pematuhan oleh entiti dalam industri ini terhadap keperluan undang-undang dan pengawalseliaan. Panduan ini meliputi tanggungjawab pelaporan dan keperluan khusus terhadap pengawasan minimum serta pengaturan operasi dan kawalan yang menggalakkan perlindungan berkesan daripada aktiviti haram dan memastikan perlindungan yang mencukupi bagi urus niaga pelanggan.

Pada peringkat sistem yang lebih luas, Bank terus memainkan peranan utama dalam memacu **inisiatif pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering/counter financing of terrorism, AML/CFT)** pada peringkat kebangsaan melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasa undang-undang yang lain. Rangka kerja kebangsaan untuk membanteras jenayah kewangan di Malaysia disokong oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Bank dan berperanan menyelaraskan inisiatif antara agensi dan memudahkan pertukaran maklumat antara 16 Kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat dalam usaha membanteras jenayah kewangan. Struktur institusi NCC telah ditambah baik pada tahun 2012 bagi membolehkan tumpuan lebih teliti dan pengawasan lebih baik oleh Jawatankuasa ini terhadap keutamaan strategik untuk membanteras jenayah kewangan. Langkah ini membawa kepada pembentukan jawatankuasa kerja untuk menyediakan sokongan operasi yang lebih berkesan bagi pelaksanaan langkah AML/CFT oleh agensi dan Kementerian di bawah NCC.

Struktur institusi Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram telah ditambah baik pada tahun 2012 bagi membolehkan tumpuan lebih teliti dan pengawasan lebih baik oleh Jawatankuasa ini terhadap keutamaan strategik untuk membanteras jenayah kewangan

Rangka kerja undang-undang bagi membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan juga terus diperkukuh pada tahun 2012 dengan menambah jenis kesalahan berat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA), untuk meliputi pembiayaan aktiviti yang menyumbang kepada percambahan dalam pembuatan senjata pemusnah secara besar-besaran di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010, aktiviti pengubahan wang haram yang timbul daripada pemerdagangan orang di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, aktiviti jualan langsung dan skim piramid di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, serta kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Pada tahun 2012, institusi kewangan dikehendaki oleh Bank untuk membuat penilaian kendiri terhadap tahap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang timbul dalam operasi mereka dan mengenal pasti jurang pematuhan. Hasil daripada penilaian kendiri ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pemahaman terhadap AML/CFT semakin meningkat, khususnya dalam kalangan ahli lembaga pengarah, terhadap isu-isu pematuhan kepada AML/CFT dan risiko jenayah kewangan. Institusi kewangan turut melaporkan usaha berterusan mereka untuk meningkatkan keberkesanan menyeluruh program pematuhan, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan usaha wajar pelanggan dan pemantauan berterusan terhadap aliran dan pola transaksi yang mencurigakan. Usaha ini telah disokong oleh kumpulan pakar AML/CFT yang semakin berkembang dalam institusi kewangan. Secara keseluruhan, usaha ini bukan sahaja telah menambahkan bilangan laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction reports, STR) yang bertambah kepada Bank sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi juga meningkatkan kualiti laporan STR untuk tujuan analisis dan siasatan selanjutnya.

Keupayaan penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasa undang-undang secara keseluruhan juga meningkat pada tahun 2012, dengan bertambahnya bilangan pegawai penyiasat AMLATFA bertauliah dan penubuhan unit AML/CFT yang khusus dalam semua agensi penguatkuasa undang-undang berikutan pertambahan dalam peruntukan sumber untuk menyelaraskan dan menjalankan penyiasatan dan pendakwaan dengan lebih baik terhadap kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pada tahun 2012, jumlah siasatan oleh pihak polis dan agensi lain terhadap kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan telah meningkat. Antara tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 73 orang yang disyaki telah didakwa di mahkamah atas tuduhan pengubahan wang haram yang membabitkan 4,371 tuduhan dengan nilai hampir RM2 bilion. Daripada jumlah ini, 27 telah disabitkan kesalahan.

Usaha Malaysia untuk mengukuhkan undang-undang dan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT telah diiktiraf oleh IMF dan Bank Dunia semasa FSAP baru-baru ini apabila Malaysia diberikan penarafan 'Mematuhi' bagi kedua-dua Prinsip Teras Basel (Prinsip 18) dan Prinsip Teras Insurans (Prinsip 22) yang berkenaan AML/CFT. Melangkah ke hadapan, rejim AML/CFT Malaysia akan memasuki pusingan ketiga Usaha Penilaian Bersama oleh Kumpulan Asia/Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering) pada tahun 2014. Sebagai langkah persediaan, kumpulan kerja pelbagai agensi telah ditubuhkan di bawah NCC bagi mengkaji rangka kerja AML/CFT yang sedia ada bagi memastikan rangka kerja ini terus relevan dan berkesan selain mengambil kira semakan dalam Piawaian Antarabangsa bagi Pembanterasan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force) pada bulan Februari 2012.

KEUPAYAAN DAN KERJASAMA PENYELIAAN

Untuk memastikan pengawasan sistem kewangan yang berkesan berikutan hubungan serantau dan antarabangsa yang terus berkembang, Bank terus mengukuhkan pengaturan kerjasamanya dengan bank-bank pusat dan pihak-pihak berkuasa penyeliaan yang lain. Forum penyeliaan (supervisory colleges) terus menjadi platform utama bagi pertukaran maklumat dan penyelarasan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan. Langkah ini membolehkan Bank menilai, dan jika perlu, mengambil langkah untuk mengurangkan kemungkinan operasi antarabangsa institusi kewangan mengakibatkan penularan risiko yang lebih besar merentas sempadan. Pada tahun 2012, Bank menjadi tuan rumah bagi mesyuarat forum penyeliaan untuk dua kumpulan kewangan Malaysia yang aktif pada peringkat serantau dan menyertai mesyuarat forum penyeliaan yang melibatkan lima institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia. Selain perbincangan mengenai risiko utama dan perkembangan yang menjejaskan institusi kewangan yang berkaitan, perbincangan juga tertumpu pada kesan daripada pelaksanaan pelbagai inisiatif pembaharuan pengawalseliaan peringkat negara dan global ke atas perniagaan dan operasi kumpulan-kumpulan ini.

Baru-baru ini, pihak berkuasa kebangsaan mula memberikan tumpuan pada pengukuhan rangka kerja penyelesaian untuk kumpulan kewangan yang penting dari segi sistemik dan aktif pada peringkat antarabangsa. Pengukuhan ini menyahut seruan Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) agar kumpulan pengurusan krisis (crisis management groups)

ditubuhkan untuk semua institusi kewangan global yang penting dari segi sistemik dengan objektif untuk meningkatkan ketersediaan selain memudahkan pengurusan dan penyelesaian krisis kewangan merentas sempadan yang melibatkan kumpulan kewangan yang penting. Bank terus menyokong semua inisiatif ini menerusi penyertaannya dalam perbincangan serantau mengenai pengurusan krisis. Meskipun inisiatif ini masih pada peringkat awal dan berdepan dengan pelbagai cabaran pelaksanaannya seperti cabaran yang berkaitan dengan perbezaan dalam rejim penyelesaian dan ketidaksolvenan negara, dan perkongsian maklumat sensitif, usaha mewujudkan rejim penyelesaian yang menyeluruh dan mantap semakin mendapat perhatian dunia. Pada peringkat serantau, Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks) memainkan peranan utama menyokong usaha pada peringkat kebangsaan untuk mengukuhkan rangka kerja penyelesaian serta membangunkan rangka kerja serantau untuk tindak balas yang tepat pada masanya, berkesan dan bersepadu dalam pelbagai senario krisis, termasuk kegagalan kumpulan kewangan yang mempunyai operasi serantau yang aktif.

Pengaturan domestik bagi kerjasama antara Bank dengan pihak berkuasa lain yang menyumbang kepada kestabilan kewangan juga terus diperkukuh. Pengaturan ini membolehkan Bank mendapatkan pandangan yang lebih lengkap mengenai potensi risiko kepada kestabilan kewangan, termasuk risiko yang berkaitan dengan aktiviti pengantaraan kewangan yang dijalankan oleh institusi kewangan bukan bank serta operasi pembayaran dan penyelesaian yang penting dari segi sistemik. Ia juga berperanan memberikan kejelasan tentang cara Bank menyelaras bersama-sama dengan pihak berkuasa lain dalam bidang pengawasan, pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan yang mana tanggungjawab pengawasan digalas oleh Bank bersama dengan pihak berkuasa yang lain.

Di bawah FSA dan IFSA, Bank mempunyai tanggungjawab khusus untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa lain yang berkaitan dalam hal pengawasan pasaran wang; mengenai isu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa persaingan; dan dalam mengawal aktiviti pengambilan deposit oleh koperasi daripada mereka yang bukan ahli koperasi. Bagi menjalankan tanggungjawab tersebut, Bank telah menandatangani memorandum persefahaman (memorandum of understanding, MoU) yang telah ditambah baik dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada bulan Oktober yang nyata memperluas skop kerjasama antara Bank dengan Suruhanjaya selaras dengan peranan dan mandat lebih besar bagi kedua-dua agensi ini. MoU ini membolehkan penyeliaan yang lebih berkesan oleh Bank terhadap kumpulan kewangan, mengukuhkan kerjasama dalam pengawasan isu tingkah laku yang berkaitan dengan aktiviti perbankan dalam pasaran modal, dan memperkukuh protokol pertukaran maklumat yang bertujuan memantau risiko sistemik dalam pasaran modal dan sistem kewangan yang lebih luas. Ia juga menyediakan pengaturan bagi kerjasama dan pertukaran maklumat antara Bank dengan Lembaga Pengawasan Audit (Audit Oversight Board) yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Sekuriti berhubung isu yang berkaitan dengan kualiti audit luar institusi kewangan. Pengaturan yang sama bagi kerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga sedang dibentuk.

Bank juga meneruskan kerjasama yang erat dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) di bawah Perjanjian Perikatan Strategik (Strategic Alliance Agreement, SAA) baharu antara Bank dengan PIDM, yang ditandatangani pada bulan April 2012. Antara lain, SAA menjelaskan peranan dan tanggungjawab PIDM dan Bank dalam proses penyelesaian institusi kewangan yang merupakan ahli institusi kepada PIDM. Perkara ini telah ditetapkan dalam FSA dan IFSA dan akan menyumbang kepada peningkatan kejelasan undang-undang dan prosedur penyelesaian yang teratur seperti digariskan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan dalam dokumennya bertajuk Ciri-ciri Utama Rejim Penyelesaian Berkesan Institusi Kewangan (Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions).

Dalam memastikan rejim penyeliaan terus berkesan dan responsif kepada keadaan operasi institusi kewangan yang lebih dinamik, Bank terus membuat pelaburan yang besar untuk mengukuhkan keupayaan dan sumber penyeliaannya. Latihan kemahiran penyeliaan berperingkat tinggi telah menggunakan sebahagian besar daripada belanjawan latihan Bank pada tahun 2012, sekali gus mencerminkan usaha Bank untuk memperkukuh kumpulan penyelia barisan hadapannya. Cabaran yang terus

dihadapi oleh Bank ialah keupayaannya untuk mengekalkan sekumpulan besar kakitangan berpengalaman meluas dalam penyeliaan dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang industri, yang amat diperlukan untuk menyokong fungsi penyeliaan dan perumusan dasar Bank. Meskipun secara purata, pengalaman penyeliaan atau pengalaman industri yang relevan bagi kakitangan penyeliaan Bank kekal stabil, iaitu lebih daripada tujuh tahun bagi kakitangan penyeliaan teras, kadar keluar masuk (attrition) kakitangan penyeliaan akan terus menjadi risiko yang perlu ditangani oleh Bank. Sepanjang beberapa tahun yang lalu, Bank sentiasa meningkatkan pendekatannya dalam pembangunan dan pemprofilan kakitangan untuk mempercepat tempoh pencapaian kompetensi kakitangan baharu, dan menggalakkan kompetensi kepemimpinan yang kukuh dalam kalangan penyelia kanan agar boleh melatih kakitangan di bawah mereka dengan berkesan. Selain itu, kumpulan pakar Bank telah diperluas untuk merangkumi pakar perakaunan dan pakar Syariah bagi melengkapi tugas penyelia barisan hadapan. Inisiatif ini membantu mengekalkan kualiti yang tinggi dalam kalangan kakitangan penyeliaan sekali gus memastikan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko Bank terus berkesan.

Pada tahun 2012, Bank juga membuat pelaburan bagi meningkatkan sistem IT penyeliaan dalamannya untuk meningkatkan kecekapan proses penyeliaan Bank. Penambahbaikan terhadap infrastruktur meliputi pembangunan skrin penyeliaan (supervisory dashboard) elektronik yang memudahkan pemantauan dan pengawasan berterusan terhadap institusi kewangan serta sistem pengurusan dokumen berpusat yang akan terus meningkatkan kualiti dan ketekalan dokumentasi bagi penilaian penyeliaan Bank. Langkah ini juga nyata telah meningkatkan kecekapan penyemakan dalaman ke atas penilaian penyeliaan melalui peningkatan aliran maklumat merentas kumpulan penyeliaan.

Satu langkah besar untuk menggabungkan Unit Perisikan Kewangan dengan Unit Penyiasatan Khas Bank telah dilaksanakan pada tahun 2012, bagi membentuk satu Jabatan Perisikan dan Penguatkuasaan Kewangan yang baharu. Jabatan ini bertanggungjawab merumuskan dasar dan strategi AML/CFT, selain menjalankan siasatan, pengawasan dan perisikan serta bertindak sebagai agensi pusat untuk perkongsian maklumat perisikan kewangan antara agensi penguatkuasa undang-undang yang berkaitan untuk tujuan penyiasatan. Di bawah struktur baharu ini, semua aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan di seluruh Bank akan dikendalikan di bawah satu jabatan. Penggabungan ini menyediakan struktur kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang lebih jelas untuk tindakan penguatkuasaan oleh Bank, selain membolehkan Bank memperoleh sinergi penting dan memanfaatkan set kemahiran yang sama dalam fungsi-fungsi ini.

Dalam memastikan rejim penyeliaan terus berkesan dan responsif kepada keadaan operasi institusi kewangan yang lebih dinamik, Bank terus membuat pelaburan yang besar untuk mengukuhkan keupayaan dan sumber penyeliaannya

Inisiatif yang dihuraikan di atas melengkapi sebahagian besar rancangan yang dibuat oleh Bank pada tahun 2011 untuk meningkatkan sumber, proses dan alat penyeliaannya berlandaskan lima teras utama: (i) terus mengukuhkan keupayaan ujian tekanan Bank (lihat Bab 1); (ii) meningkatkan pengagihan dan penggunaan sumber penyeliaan Bank secara optimum; (iii) meningkatkan automasi dan menyepadukan sistem pengawasan dengan lebih baik; (iv) melaksanakan rangka kerja yang lebih baik untuk penyeliaan isu tatakelakuan pelanggan (lihat Bab 4); dan (v) memperkukuh pengawasan terhadap aktiviti penguatkuasaan.

Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Basel untuk Penyeliaan Perbankan Berkesan

Malaysia telah menunjukkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap Prinsip Teras Basel untuk Penyeliaan Perbankan Berkesan (Basel Core Principles, BCP) berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia (World Bank) di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program, FSAP). Kesemua 25 BCP merupakan prinsip piawaian antarabangsa pada peringkat tinggi untuk menanda aras dan menilai sistem pengawalan dan penyeliaan sesebuah negara. BCP tersebut dihuraikan secara terperinci menggunakan kriteria 'penting' dan 'tambahan' sebagai panduan untuk penilaian terhadap pematuhan. Berdasarkan penilaian yang dibuat, Malaysia telah diberikan penarafan sama ada 'mematuhi' atau 'mematuhi sebahagian besarnya' bagi kesemua 25 BCP tersebut (Jadual 1).

IMF memperakui bahawa undang-undang perkhidmatan kewangan baharu – Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) – bersama-sama dengan penambahbaikan terhadap piawaian dan proses pengawalseliaan sedia ada yang sedang berjalan lancar pada masa penilaian dibuat, akan dapat melaksanakan hampir kesemua saranan untuk peningkatan. Isu-isu yang dikenal pasti di bawah enam BCP, yang kini diberikan penarafan mematuhi sebahagian besarnya, akan dapat diselesaikan dengan penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Rencana ini membentangkan ringkasan penilaian dan pemerhatian utama mengenai pematuhan Malaysia terhadap BCP tersebut. Penilaian terperinci dipaparkan secara berasingan di laman sesawang IMF dan Bank Dunia.

Hasil utama daripada penilaian ini adalah seperti yang berikut:

- **Fungsi pengawalan dan penyeliaan disokong dengan baik oleh rangka kerja undang-undang yang menyeluruh yang mentakrifkan objektif Bank secara jelas, pengaturan institusi yang kukuh dan sumber yang mencukupi.** Rangka kerja undang-undang membolehkan Bank membenarkan penubuhan institusi perbankan, mengeluarkan pelbagai peraturan kehematan, mengakses dan mendapatkan maklumat, mengambil tindakan penyeliaan yang perlu dan menyediakan perlindungan undang-undang kepada kakitangan yang bertindak secara jujur semasa menjalankan tugas mereka. Kebebasan operasi pada tahap yang tinggi diberikan kepada, dan ditunjukkan oleh Bank dalam menentukan fokus pengawalan dan penyeliaan serta dalam memperuntukkan sumber untuk menjalankan tugasnya. Tugas ini dikendalikan kakitangan yang berkelayakan dan kompeten dengan tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi.

- **Kemasukan dalam industri melalui lesen baharu dan pengambilalihan pegangan saham dengan kepentingan yang ketara adalah tertakluk kepada penilaian yang teliti.** Satu proses penilaian yang menyeluruh dan mantap wujud untuk memastikan bahawa mana-mana penyertaan baharu dalam pasaran perbankan adalah tertakluk kepada piawaian kehematan.

- **Wujudnya satu kompendium menyeluruh mengenai keperluan dan panduan kehematan yang bertujuan menggalakkan keselamatan dan kekukuhan, disiplin pasaran dan integriti sistem kewangan.** Rangka kerja kecukupan modal adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan telah dilaksanakan dengan berkesan. Rangka kerja ini akan dipertingkatkan lagi dengan pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III mulai tahun 2013. Piawaian kehematan tentang pengurusan risiko menyediakan asas kukuh untuk penyeliaan yang berkesan dan penilaian kualiti pengurusan risiko institusi perbankan. Rangka kerja mudah tunai memastikan terdapat penampan mudah tunai yang mencukupi di bawah keadaan normal dan tertekan, di samping menghendaki sumber pembiayaan dipelbagaikan dengan secukupnya. Keperluan, termasuk amalan menyediakan peruntukan berhemat, juga tersedia untuk mengendalikan aset bermasalah

Jadual 1

Tahap Pematuhan Terhadap Prinsip Teras Basel

	Prinsip Teras Basel	Tahap Pematuhan
1.	Objektif, kebebasan, kuasa, ketelusan dan kerjasama	
1.1	Tanggungjawab dan objektif	C
1.2	Kebebasan, kebertanggungjawaban dan ketelusan	LC
1.3	Rangka kerja undang-undang	C
1.4	Kuasa undang-undang	C
1.5	Perlindungan undang-undang	C
1.6	Kerjasama	LC
2.	Aktiviti yang dibenarkan	C
3.	Kriteria pelesenan	LC
4.	Pemindahan pemilikan ketara	LC
5.	Pengambilalihan utama	LC
6.	Kecukupan modal	LC
7.	Proses pengurusan risiko	LC
8.	Risiko kredit	C
9.	Aset bermasalah, peruntukan dan rizab	C
10.	Had dedahan besar	LC
11.	Dedahan kepada rakan niaga yang berhubung kait	LC
12.	Risiko negara dan pemindahan	LC
13.	Risiko pasaran	C
14.	Risiko mudah tunai	LC
15.	Risiko operasi	LC
16.	Risiko kadar faedah dalam buku perbankan	LC
17.	Kawalan dalaman dan audit	C
18.	Salah guna perkhidmatan kewangan	C
19.	Pendekatan penyeliaan	C
20.	Teknik penyeliaan	C
21.	Pelaporan penyeliaan	C
22.	Perakaunan dan penzahiran	C
23.	Kuasa pembetulan dan pemulihan penyelia	LC
24.	Penyeliaan bersepadu	LC
25.	Hubungan negara asal-tuan rumah	C

- **Mematuhi (Compliant, C)** – Semua kriteria penting yang terpakai di bawah Prinsip Teras dipenuhi tanpa apa-apa kekurangan yang ketara, atau apabila objektif Prinsip Teras telah dicapai melalui cara alternatif.
- **Mematuhi sebahagian besarnya (Largely compliant, LC)** – Hanya terdapat kelemahan kecil sahaja dan tidak menimbulkan apa-apa kebimbangan tentang keupayaan dan hasrat pihak berkuasa untuk mencapai pematuhan sepenuhnya terhadap Prinsip Teras. Bagi kriteria penting yang tidak dipenuhi, keberkesanan keseluruhan rejim pihak berkuasa perlulah tinggi untuk memastikan bahawa tiada risiko ketara yang tidak dapat ditangani.
- **Tidak mematuhi sebahagian besarnya (Materially non-compliant, MC)** – Terdapat kelemahan yang nyata, walaupun wujud peraturan, pengawalan dan prosedur rasmi. Terdapat bukti bahawa penyeliaan nyata tidak berkesan, pelaksanaan secara praktikal adalah lemah, ataupun kelemahan tersebut memadai untuk menimbulkan keraguan tentang keupayaan pihak berkuasa untuk mencapai pematuhan.
- **Tidak mematuhi (Non-compliant, NC)** – Tiada pelaksanaan Prinsip Teras yang ketara, beberapa kriteria penting tidak dipatuhi atau pengawasan nyata tidak berkesan.

dan dikaji semula dengan berkesan oleh penyelia. Pelaksanaan piawaian tadbir urus korporat dan garis panduan tentang kawalan dalaman, bersama-sama dengan fokus pengawalseliaan terhadap pendidikan pengarah, menggalakkan pengaturan tadbir urus dan kawalan dalaman yang berkesan dalam institusi perbankan. Satu rangka kerja undang-undang yang menyeluruh terus menyokong rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering/counter financing of terrorism) yang berkesan di Malaysia lantas membolehkan Bank mempunyai akses kepada maklumat dan rekod, menjalankan siasatan, mengeluarkan arahan dan bekerjasama dengan agensi kawal selia dan penguatkuasa lain untuk memelihara integriti sistem kewangan.

- **Rangka kerja penyeliaan Bank menyediakan sokongan yang berkesan kepada mandat dan objektif mengekalkan kestabilan kewangan.** Rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko menyediakan pendekatan yang sistematik dan tekal bagi penyeliaan, dengan mengambil kira hasil penilaian yang bersepadu di premis dan luar premis serta dilengkapi hasil penilaian daripada aktiviti pengawasan makro oleh Bank. Ini turut disokong oleh penilaian terhadap risiko yang ditanggung dengan membuat perbandingan risiko antara instituti perbankan bagi memudahkan pengenalpastian risiko baharu yang timbul dan penilaian impaknya ke atas institusi individu dan juga seluruh industri. Bank memaklumkan penilaian penyeliaannya dan isu-isu berbangkit tepat pada masanya dan dalam cara yang berkesan, selain menghendaki institusi perbankan mengambil langkah pembetulan, dan pelaksanaannya dipantau oleh Bank. Bank juga mempunyai keupayaan untuk mendapatkan maklumat yang perlu bagi tujuan penyeliaan, selain boleh mengambil pelbagai tindakan campur tangan penyeliaan pada peringkat awal untuk mengelakkan kemungkinan timbulnya masalah dan mengenakan penalti ke atas ketidakpatuhan terhadap keperluan pengawalseliaan dan undang-undang. Ini diperlengkap oleh program yang dibangunkan dengan baik untuk pertukaran maklumat dan kerjasama penyeliaan dengan agensi pengawalseliaan domestik dan asing.

Saranan Utama

Penilaian pematuhan ini mencadangkan beberapa saranan yang akan memastikan pengaturan pengawalan dan penyeliaan sedia ada terus berkesan sejajar dengan perkembangan pasaran dan mencerminkan amalan terbaik. Undang-undang perkhidmatan kewangan baharu mengambil kira banyak daripada saranan ini, manakala Bank akan terus memberi tumpuan pada usaha meningkatkan keberkesanan amalan pengawalan dan penyeliaannya.

Saranan utama adalah seperti yang berikut:

- **Terus meningkatkan proses rundingan industri tentang langkah-langkah dasar yang dicadangkan bagi meningkatkan tahap ketelusan awam, dan memperjelas kehendak dan keutamaan penyeliaan yang terkandung dalam garis panduan dan arahan penyeliaan yang dikeluarkan oleh Bank.** Bank telah pun mengadakan perbincangan dan interaksi yang meluas dengan pihak industri mengenai keperluan kawal selia yang disarankan seperti yang dikehendaki di bawah rangka kerja dalaman untuk pembangunan dasar Bank. Bank menyedari bahawa dengan benar-benar melibatkan industri pada peringkat awal perumusan dasar pengawalseliaan boleh meningkatkan hasil pengawalseliaannya. Bagi tujuan ini, proses perundingan dengan industri tentang perubahan pengawalseliaan telah diperluas, merangkumi lebih banyak penglibatan yang disasarkan melalui kumpulan fokus dan penilaian impak berdasarkan input terperinci daripada institusi perbankan untuk memastikan supaya semua pandangan yang berkaitan difahami sepenuhnya dan dipertimbangkan dengan teliti. Sejajar dengan pendekatan pengawalseliaan berasaskan prinsip, Bank juga sedang mengkaji semula dokumen piawaian kehematannya untuk menghasilkan panduan yang lebih baik tentang piawaian yang perlu dipatuhi, dan pelbagai amalan yang mungkin dipertimbangkan oleh institusi perbankan untuk memenuhi piawaian tersebut setara dengan saiz dan kompleksiti institusi. Semua garis panduan kehematan yang baharu telah dipaparkan dalam laman

sesawang Bank, sementara garis panduan sedia ada yang sedang dikaji semula akan dipaparkan sebaik sahaja kajian semula ini selesai.

- **Meningkatkan ketelusan piawaian pelesenan dan keperluan kesesuaian bagi pemegang saham.** Ini akan dicapai di bawah FSA dan IFSA yang menetapkan kriteria yang jelas bagi pelesenan dan pengambilalihan kepentingan yang ketara dalam institusi perbankan, termasuk kriteria yang digunakan untuk menilai kesesuaian pemegang saham. Kriteria penilaian bagi permohonan lesen perbankan juga dipertingkat di bawah perundangan baharu untuk meliputi penilaian sama ada aktiviti kumpulan kewangan akan menghalang pengawalan dan penyeliaan yang berkesan oleh Bank.

- **Memperluas skop penggunaan rangka kerja perundangan dan kehematan untuk meliputi syarikat pemegangan kewangan dan membolehkan penyeliaan ke atas kumpulan kewangan secara bersepadu.** Bagi tujuan ini, FSA memberi kuasa kepada Bank untuk melantik dan membenarkan sesebuah syarikat pemegangan kewangan, dan juga mengenakan piawaian kehematan, termasuk keperluan modal, piawaian mudah tunai, keperluan pengurusan risiko dan jangkaan ujian tekanan, ke atas kumpulan kewangan secara bersepadu.

- **Mengeluarkan peraturan khusus mengenai risiko kadar faedah dalam buku perbankan (interest rate risk in the banking book, IRRBB), risiko negara dan risiko operasi serta melaksanakan sepenuhnya Tunggak 2.** Penilaian yang dibuat mendapati bahawa bidang-bidang ini telah pun menjadi perkara yang dikaji semula secara berterusan menerusi penyeliaan institusi perbankan oleh Bank bagi memastikan risiko dikenal pasti, dinilai dan dilaporkan dengan sewajarnya kepada Bank. Pelaksanaan penuh Tunggak 2 pada tahun 2013, selepas tempoh peralihan selama dua tahun, akan merintis jalan kepada kajian semula penyeliaan dan pemeriksaan terhadap proses penilaian modal dalaman oleh Bank dengan lebih giat, meliputi antara lain, pengurusan IRRBB dan risiko penumpuan kredit oleh institusi perbankan.

- **Menjajarkan Garis Panduan Mengenai Had Pendedahan kepada Sesuatu Rakan Niaga (single counterparties) yang sedia ada dengan piawaian antarabangsa, dan memperluas skop penggunaan keperluan kehematan bagi urus niaga kredit dengan rakan niaga yang berhubung kait untuk meliputi pemegang saham minoriti yang penting.** Pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Had Pendedahan kepada Sesuatu Rakan Niaga semakan pada bulan Mac 2013, dan kajian semula yang dirancang terhadap Garis Panduan Mengenai Urus Niaga Kredit dan Dedahan dengan Rakan Niaga yang Berhubung Kait, yang juga akan dijalankan pada tahun 2013, akan mempertingkat pematuhan dalam bidang ini dengan nyata.

- **Menubuhkan rangka kerja penyelesaian menyeluruh, dengan peruntukan perundangan yang jelas bagi menentukan institusi perbankan yang tidak berdaya maju, untuk memperlengkap rangka kerja campur tangan penyeliaan yang sedia ada. Skop dan penggunaan rangka kerja tersebut juga perlu cukup meluas untuk membolehkan penyelesaian terhadap syarikat pemegangan kewangan.** Perjanjian Perikatan Strategik (Strategic Alliance Agreement) semakan antara Bank dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), yang dimeterai pada bulan April 2012, telah meningkatkan penyelarasan bagi tindakan campur tangan dan penyelesaian serta menyediakan platform penting untuk membina rangka kerja penyelesaian. Pencetus yang jelas untuk menentukan keadaan tidak berdaya maju sesebuah institusi perbankan juga diambil kira di bawah perjanjian ini, sekali gus mengukuhkan kebertanggungjawaban kedua-dua agensi dalam memastikan penyelesaian segera bagi institusi yang bermasalah. Pencetus ini telah digunakan semula dalam piawaian Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang disemak oleh Bank baru-baru ini, sebagai syarat yang membolehkan Bank mengenakan kerugian ke atas pemegang instrumen modal bank.

- **Memperluas pengenaan penalti ke atas individu di bawah Undang-undang Sivil.** Undang-undang perkhidmatan kewangan baharu akan membolehkan saranan ini dilaksanakan menerusi peruntukan yang menyokong rangka kerja penalti yang lebih menyeluruh merangkumi penalti sivil, pentadbiran dan jenayah atas sebab tidak mematuhi keperluan pengawalseliaan dan undang-undang.

- **Memanfaatkan peluang untuk memupuk penyelarasan dan pertukaran maklumat yang lebih kukuh dengan agensi penyeliaan lain, termasuk pihak berkuasa negara asal bank asing yang aktif di Malaysia.** Usaha terus diambil untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara Bank dengan agensi kawal selia domestik dan penyelia negara asal bank asing yang diperbadankan di Malaysia. Penambahbaikan utama telah dibuat sepanjang tahun 2012 terhadap pengaturan kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan PIDM, serta menjadikan perjanjian pengaturan perkongsian maklumat dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai pengaturan rasmi. Bank juga meneruskan perbincangan dan interaksi dua hala dengan penyelia asing, serta giat menganjurkan dan menyertai forum penyeliaan (supervisory colleges) untuk membolehkan pertukaran maklumat dan penyelarasan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan.

Penilaian Mengenai Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Insurans IAIS

Prinsip Teras Insurans (Insurance Core Principles, ICP), yang diterbitkan buat kali pertama oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) pada tahun 2000, sebahagian besarnya telah disemak pada tahun 2011. ICP baharu ini berdasarkan satu set penyataan prinsip peringkat tinggi yang disokong oleh piawaian dan panduan lebih khusus yang digunakan untuk menilai pematuhan terhadap ICP. ICP baharu ini lebih menekankan pendekatan berasaskan risiko bagi pengawalan dan penyeliaan selain memberi ruang kepada penggunaan ICP berasaskan prinsip perkadaran. Penambahbaikan juga dibuat khususnya dalam bidang tadbir urus korporat, pengurusan risiko, penyeliaan bersepadu dan pengawasan kehematan makro, untuk mencerminkan perkembangan pasaran dan penyeliaan insurans, serta mengambil kira saranan oleh Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat Kumpulan Dua Puluh (Group of Twenty Finance Ministers and Central Bank Governors) serta Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB). Malaysia merupakan antara beberapa negara terawal yang dibuat penilaian oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia (World Bank) berdasarkan set ICP yang telah disemak.

Rencana ini membentangkan ringkasan penilaian dan pemerhatian utama mengenai pematuhan Malaysia terhadap ICP. Penilaian terperinci dipaparkan secara berasingan di laman sesawang IMF dan Bank Dunia.

Bagi 22 daripada 26 ICP yang ada, Malaysia telah dinilai sama ada 'mematuhi' atau 'mematuhi sebahagian besarnya' ICP tersebut (Jadual 1). Empat ICP yang berkaitan dengan keperluan kehematan dalam pengurusan risiko institusi, penyeliaan bersepadu, pengaturan bagi perlindungan dari segi undang-undang bagi dana pelanggan yang dikendalikan oleh pengantara insurans, dan kerjasama merentas sempadan dalam pengurusan krisis telah dinilai sebagai 'mematuhi sebahagiannya'. Penilaian ini mendapati bahawa Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang baharu akan melaksanakan banyak daripada saranan untuk penambahbaikan, manakala penambahbaikan yang sedang dilaksanakan terhadap keperluan pengawalseliaan sedia ada untuk memformalkan kehendak penyeliaan Bank, akan terus meningkatkan tahap pematuhan Malaysia. Penambahbaikan ini hampir dilaksanakan keseluruhannya. Khususnya, pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process) dan pengeluaran keperluan baharu mengenai tadbir urus risiko akan mengukuhkan pengurusan risiko institusi dalam syarikat insurans, manakala perundangan baharu pula memberi perlindungan undang-undang terhadap wang yang diterima dan dipegang sebagai amanah oleh pengantara untuk manfaat pelanggan insurans/takaful.

Tahap pematuhan Malaysia terhadap ICP penyeliaan bersepadu, serta ICP kerjasama dan pengurusan krisis merentas sempadan adalah sebahagian besarnya mencerminkan sifat dan skop dedahan seluruh kumpulan dan aktiviti merentas sempadan penanggung insurans di Malaysia pada masa kini, serta risikonya kepada kestabilan kewangan. Penilaian yang dibuat mendapati bahawa kini tidak terdapat kumpulan insurans domestik yang signifikan sementara aktiviti merentas sempadan oleh penanggung insurans Malaysia adalah terhad. Atas sebab ini, skop dan tahap penyeliaan Bank yang bersepadu serta tumpuan pada pengaturan merentas sempadan yang lebih formal bagi pengurusan risiko adalah selaras dengan pandangan Bank bahawa risiko daripada dedahan kumpulan kepada penanggung insurans di Malaysia secara relatifnya rendah. Bank akan mempertingkat langkah-langkah untuk menangani isu-isu berkaitan dengan penyeliaan bersepadu dan merentas sempadan apabila dan sekiranya aktiviti penanggung insurans berkembang dengan pesat dan juga operasi merentas sempadan mereka semakin meluas.

Pemerhatian utama daripada penilaian ini adalah seperti yang berikut:

- **Terdapat rangka kerja perundangan yang menyeluruh, yang menyatakan dengan jelas kuasa dan tanggungjawab Bank, dan Bank diberikan pelbagai kuasa yang menyokong mandatnya.** Perundangan memperuntukkan Bank sebagai badan berkanun yang beroperasi

Jadual 1

Tahap Pematuhan Terhadap Prinsip Teras Insurans

Prinsip Teras Insurans	Tahap Pematuhan
1. Objektif, kuasa dan tanggungjawab penyelia	LO
2. Penyelia	LO
3. Pertukaran maklumat dan keperluan kerahsiaan	LO
4. Pelesenan	LO
5. Kesesuaian individu	LO
6. Perubahan kuasa dan pemindahan portfolio	LO
7. Tadbir urus korporat	LO
8. Pengurusan risiko dan kawalan dalaman	LO
9. Penilaian dan pelaporan penyeliaan	O
10. Langkah pencegahan dan pembetulan	O
11. Penguatkuasaan	LO
12. Pembubaran dan keluar daripada pasaran	O
13. Insurans semula dan bentuk lain pemindahan risiko	LO
14. Penilaian	O
15. Pelaburan	LO
16. Pengurusan risiko institusi untuk tujuan kesolvenan	PO
17. Kecukupan modal	LO
18. Pengantara	PO
19. Pengendalian perniagaan	LO
20. Penzahiran umum	LO
21. Menangani penipuan dalam insurans	LO
22. Pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan	O
23. Penyeliaan bersepadu	PO
24. Pengawasan kehematan makro dan penyeliaan insurans	O
25. Kerjasama dan penyelarasan penyeliaan	O
26. Kerjasama dan penyelarasan pengurusan krisis merentas sempadan	PO

- **Mematuhi (Observed, O)** – Semua piawaian yang terpakai dipatuhi. Pihak berkuasa mempunyai kuasa undang-undang untuk menjalankan tugasnya dan menunjukkan penggunaan kuasa itu pada tahap yang memuaskan.
- **Mematuhi sebahagian besarnya (Largely observed, LO)** – Hanya terdapat kelemahan kecil sahaja, yang tidak menimbulkan apa-apa kebimbangan tentang keupayaan pihak berkuasa untuk mencapai pematuhan sepenuhnya.
- **Mematuhi sebahagiannya (Partly observed, PO)** – Kelemahan yang didapati cukup untuk menimbulkan keraguan tentang keupayaan pihak berkuasa untuk mencapai pematuhan sepenuhnya.
- **Tidak mematuhi (Not observed, NO)** – Didapati tidak mencapai peningkatan yang nyata dalam pematuhan.

secara bebas dan mempunyai kuasa hakiki terhadap tumpuan strategik dan pengagihan sumbernya untuk menjalankan aktiviti pengawalan dan penyeliaannya. Pegawai Bank dikehendaki supaya mematuhi tatakelakuan yang menggalakkan piawaian etika yang tinggi. Perlindungan undang-undang diberikan untuk membolehkan pelaksanaan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

- **Kemasukan dalam industri tertakluk kepada penilaian yang teliti.** Lesen baharu dan pemegang saham dengan kepentingan yang ketara dinilai berasaskan set keperluan kewangan dan bukan kewangan yang luas, dan rangka kerja pengawalseliaan disediakan untuk memastikan pengarah, pengurusan kanan dan pegawai penting yang bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi kawalan mempunyai kecekapan dan integriti untuk memainkan peranan mereka dengan berkesan.

- **Satu kompendium menyeluruh mengenai keperluan dan panduan kehematan telah disediakan, bertujuan menggalakkan keselamatan dan kekukuhan, disiplin pasaran dan integriti industri insurans.** Ini termasuk kehendak yang meluas terhadap tadbir urus korporat, dan pengurusan risiko dan fungsi kawalan yang berkesan terhadap aktiviti utama penanggung insurans. Asas utama bagi rangka kerja kehematan ialah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans yang mencakupi risiko berdasarkan pendekatan yang lebih menyeluruh (total balance sheet approach) dan menghendaki penanggung insurans mengekalkan modal yang mencukupi untuk menyerap kerugian besar yang tidak dijangka. Keperluan penilaian dan penzahiran adalah sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards) dan secara khusus mengambil kira penzahiran yang diperlukan berkaitan dengan kontrak insurans. Di samping itu, Bank memaparkan data industri yang terperinci di laman sesawangnya.

- **Keperluan pengawalseliaan mengambil kira kehendak bagi layanan adil kepada pelanggan dan diperkukuh dengan pengawasan amalan pasaran oleh Bank dan program pendidikan pengguna yang berstruktur.** Penanggung insurans dikehendaki mematuhi piawaian urusan yang saksama dalam membangunkan produk baharu, amalan jualan dan pemasaran termasuk nasihat dan penzahiran yang wajar kepada pengguna, serta penyelesaian tuntutan. Penilaian Bank berdasarkan pemantauannya di luar premis dan di premis terhadap amalan pasaran mempengaruhi tindakan penyeliaan dan keputusan untuk memperbaharui lesen pengantara insurans. Perundangan juga mengenakan penalti yang berat terhadap penipuan insurans dan pengubahan wang haram. Bank juga memantau secara rapat dan berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menyokong tindakan penguatkuasaan yang berkesan.

- **Rejim penyeliaan adalah teguh dan menyokong penilaian risiko penanggung insurans yang berkesan.** Rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko membolehkan penyeliaan yang sistematik dan tekal terhadap semua penanggung insurans berlesen melalui pemantauan di luar premis secara berterusan, pemeriksaan di premis dan pemeriksaan tematik yang kerap. Ini disepadukan secara baik dengan aktiviti pengawasan makro Bank dan disokong program ujian tekanan yang ketat. Perundangan membolehkan Bank mengambil langkah pencegahan yang wajar dan tepat pada masanya. Isu-isu penyeliaan yang penting dimaklumkan dengan jelas kepada penanggung insurans dan langkah pembetulan dipantau rapi oleh Bank. Bank juga mempunyai pelbagai instrumen untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan penguatkuasaan, dan untuk bekerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi menguruskan penanggung insurans yang bermasalah agar dapat memelihara kepentingan pemegang polisi dan mengurangkan kos kepada sistem kewangan.

- **Bank menerima pakai pendekatan pengawasan makro yang setara dengan sifat, skala dan kompleksiti sektor insurans.** Rangka kerja pengawasan mengesan penunjuk kekukuhan kewangan utama dan trend dalam industri insurans. Ujian tekanan dibuat dengan

kerap dan menggabungkan pendekatan makro (atas-ke-bawah) dan mikro (bawah-ke-atas). Di samping itu, Bank sedang berusaha untuk membentuk satu rangka kerja bagi menilai kepentingan sistemik penanggung insurans berdasarkan panduan yang dirumuskan oleh FSB.

Saranan Utama

Penilaian mengemukakan beberapa saranan yang dapat terus meningkatkan pematuhan Malaysia terhadap ICP. Beberapa saranan ini adalah berkaitan dengan pasaran insurans yang lebih maju dan dijangka menjadi lebih penting buat Malaysia apabila industri domestik menjadi semakin besar dan kompleks. Saranan ini diambil kira dalam rancangan jangka sederhana hingga jangka lebih panjang Bank.

Seperti penilaian pematuhan Malaysia terhadap Prinsip Teras Basel bagi Penyeliaan Perbankan Berkesan (Basel Core Principles for Effective Banking Supervision), saranan yang sama dibuat untuk meningkatkan ketelusan dalam keperluan pelesenan dan kesesuaian bagi pemegang saham, serta pengawalan dan penyeliaan syarikat pemegangan kewangan untuk menyokong penyeliaan penanggung insurans secara bersepadu (rujuk rencana 'Penilaian Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip Teras Basel bagi Penyeliaan Perbankan Berkesan'). Hal ini telah diambil kira dalam FSA dan IFSA yang baharu. Seperti dinyatakan di atas, risiko yang berkaitan dengan aktiviti merentas sempadan bagi kumpulan insurans domestik buat masa ini kekal rendah. Secara praktiknya, pengaturan yang tidak formal telah dibuat dengan penyelia di negara-negara tuan rumah operasi merentas sempadan kumpulan penanggung insurans Malaysia. Pendekatan penyeliaan juga mengambil kira penilaian berterusan terhadap risiko yang mungkin timbul daripada aktiviti entiti berkaitan yang mungkin boleh menjejaskan kedudukan kewangan penanggung insurans di Malaysia. Bank kekal komited untuk terus meningkatkan kerjasama dan pengaturan pertukaran maklumat yang sedia ada dengan penyelia dan pihak berkuasa lain, termasuk melalui penglibatan lebih luas dalam memorandum persefahaman dua hala selain mengukuhkan keupayaan untuk menyokong pengurusan dan penyelesaian krisis merentas sempadan secara berkesan sejajar dengan risiko yang mungkin timbul daripada aktiviti merentas sempadan penanggung insurans.

Saranan juga dibuat untuk mengkaji semula dan mengemaskinikan beberapa keperluan pengawalseliaan dengan mengambil kira prinsip amalan kukuh seperti dikehendaki oleh Bank ke atas penanggung insurans menerusi aktiviti penyeliaannya. Ini dilaksanakan melalui program yang sedang dijalankan untuk mengkaji semula keperluan Bank secara berkala seperti yang dikehendaki di bawah rangka kerja dalaman untuk pembangunan dasar Bank.

Saranan lain termasuk perkara yang berikut:

- **Memperkukuh instrumen penguatkuasaan dan melaksanakan rangka kerja penyeliaan khusus terhadap aktiviti amalan pasaran.** FSA dan IFSA baharu mewujudkan peruntukan khusus kepada Bank untuk mengeluarkan dan menguatkuasakan piawaian amalan perniagaan. Perkembangan utama dalam agenda pengawalseliaan Bank ialah membangunkan dan melaksanakan satu rangka kerja lebih berstruktur dan bersepadu sejak tahun 2011, untuk menyelia risiko amalan pasaran. Rangka kerja ini kini beroperasi sepenuhnya dan menyediakan penilaian yang lebih berkesan terhadap risiko kepada pengguna berdasarkan pelbagai maklumat dan aktiviti penyeliaan yang lebih tertumpu. Peruntukan bagi penalti pentadbiran dan sivil dalam FSA dan IFSA yang baharu akan terus menyokong usaha penguatkuasaan piawaian amalan pasaran yang berkesan oleh Bank.

- **Membangunkan rangka kerja modal yang lebih menyeluruh untuk insurans jaminan kewangan.** Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) yang merupakan satu-satunya penanggung insurans jaminan kewangan di Malaysia adalah tertakluk kepada keperluan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang turut terpakai pada institusi kewangan lain yang dikawal selia oleh Bank. Danajamin juga perlu mematuhi had dedahan kehematan atas asas tunggal dan agregat supaya setara dengan keupayaan kewangannya. Melangkah ke hadapan, Bank merancang untuk

menyediakan rangka kerja modal yang lebih menyeluruh dan peka terhadap risiko bagi perniagaan insurans jaminan kewangan agar boleh mengambil kira risiko yang sedia ada dalam perniagaan ini dengan lebih baik, di samping saling memperkukuh insentif bagi pengurusan risiko yang mantap. Ini juga akan menyokong pertumbuhan mampan Danajamin sejajar dengan peluasan peranannya untuk menyediakan penambahbaikan kredit kepada lebih banyak syarikat Malaysia dan dalam pelbagai sektor ekonomi.

- **Mengambil kira ciri saling bergantungan antara, dan dalam, kategori risiko di bawah rangka kerja modal.** Pada masa ini, keperluan ujian tekanan membantu mengenal pasti korelasi risiko dan memaklumkan keputusan pihak pengurusan mengenai tahap kecukupan penampan kewangan untuk menguruskan risiko serentak dan limpahan sekiranya risiko tertentu timbul. Bank bercadang untuk terus menambah baik keperluan modal pada masa hadapan bagi mengambil kira kesan korelasi risiko apabila lebih banyak data diperoleh untuk menyokong usaha memperkemas rangka kerja ini.